

Jilid III  
Bil. 19



Hari Selasa  
21hb Disember, 1993

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2777]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1994 [Ruangan 2813]**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
1997



## MALAYSIA

**PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA***Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KETIGA****AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA S.I.M.P. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR D.I.M.P. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik),
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN FU AH KIW (Dilantik).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).

Yang Berhormat TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

- „ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.I.P., P.I.S., B.S.J., A.M.N., P.N.N. (Johor).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JANGGU ANAK BANYANG (Sarawak).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ PUAN KELSOM BINTI YAACUB (Pahang).
- „ PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).
- „ DATO' DR. MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M, A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN K. MUNISAMY, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- „ DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ Dr. NG YEN YEN (Pahang).
- „ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH (Terengganu).
- „ PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ TUAN HAJI SALLEH *alias* HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
  - „ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
  - „ PUAN HAJAH SELEMAH BINTI HASHIM (Dilantik).
  - „ TUAN V.K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
  - „ TUAN SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, P.K.T. (Dilantik).
  - „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
  - „ TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
  - „ DATO' SOONG SIEW HOONG, K.M.N., S.M.S., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
  - „ DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).
  - „ TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).
  - „ DR. TOH KIN WOON (Pulau Pinang).
  - „ DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
  - „ DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.N. (Dilantik).
  - „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
  - „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
  - „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Selangor).
  - „ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).



## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha Kanan: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting Kanan: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Kanan: Haji Suhor bin Husin.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Halim bin Haji Ali





## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Selasa, 21hb Disember, 1993

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KURSUS PERUBATAN DI  
INDIA—BIASISWA JPA**

**1. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kedudukan penuntut-penuntut yang berjaya mendapat biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengikuti kursus perubatan di India pada tahun ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1993 seramai 31 orang pelajar telah ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengikuti kursus perubatan di India. Disebabkan keputusan mahkamah di India, 6 orang daripada Kasturba Medical College terpaksa dipanggil pulang. Jabatan Perkhidmatan Awam sedang berusaha bagi menempatkan mereka ini di pusat pengajian tinggi tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 25 pelajar tajaan yang dapat meneruskan pengajian tahun pertama perubatan di India itu, 12 orang adalah di Jawaharlal Nehru Medical College, manakala 13 orang lagi di M. S. Ramaiah Medical College.

**BALAI BOMBA DAERAH DI  
SABAH—PEMBINAAN**

**2. Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian tersebut bercadang untuk mendirikan balai-balai bomba di daerah-daerah di Sabah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang mempunyai rancangan untuk membina beberapa buah balai bomba di negeri Sabah bagi membolehkan perkhidmatan bomba yang lebih cekap dan berkesan dapat diberikan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, empat projek telah diluluskan di Sabah iaitu:

1. Tuaran;
2. Ranau;
3. Kota Marudu; dan
4. Beaufort.

Projek-projek ini dijangka siap pada tahun 1995. Nilai empat projek ini adalah RM6.8 juta.

**Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa negeri Sabah adalah sebuah negeri yang kita ketahui pada saat ini adalah negeri yang mundur dan kita dapati bahawa banyak berlaku kebakaran terutama sekali di daerah-daerah dan daerah-daerah kecil

sertajugadikawasan-kawasanperumahan yang padat perkampungannya. Saya difahamkan baru-baru ini Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa latihan mungkin akan diberi kepada masyarakat mengenai cara-cara bagaimana hendak menghadapi kebakaran ini.

Baru-baru ini kebakaran berlaku di kawasan saya yang mengorbankan empat orang nyawa. Jadi, persoalannya adakah cadangan Kerajaan—seperti mana dalam soalan saya ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan— untuk membina balai-balai bomba di daerah-daerah mahupun di daerah-daerah kecil ataupun di kampung yang banyak perumahannya. Kalau ada, bila. Dan kalau sekiranya mereka ini diberi latihan cara-cara bagaimana menghadapi kebakaran, adakah Kementerian ini membekalkan alat-alat pemadam api, enjin, pam air dan sebagainya?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa untuk Kerajaan membekalkan atau mengadakan balai-balai bomba di setiap daerah atau kampung di Malaysia memanglah di luar kemampuan kita. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kebakaran berlaku di kawasan-kawasan yang jauh atau di mana kepadatan penduduknya kurang maka Jabatan Bomba ada mencadangkan supaya ditubuhkan pasukan bomba sukarela. Tujuannya ialah untuk melibatkan masyarakat setempat mengetahui selok-belok bagaimana untuk memadam kebakaran jika berlaku sebelum kedatangan pasukan bomba. Jabatan Bomba di dalam usaha untuk menggalakkan penubuhan bomba sukarela ini akan memberi latihan kepada mereka yang berminat dan juga Kerajaan memberi sumbangan kepada bomba sukarela berupa alat pemadam api bagi memudahkan pasukan ini menjalankan tugas sukarela di samping memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan tentang perlunya

penglibatan masyarakat setempat untuk mengawal sebarang kebakaran yang berlaku.

### MAJLIS PERUNDINGAN AKTA PENDIDIKAN (MPAP)—KEJAYAAN

**3. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Majlis Perundingan Pendidikan Negara yang ditubuhkan dalam usaha memperkemaskan dasar Pendidikan Negara yang ditubuhkan dahulu masih berfungsi dan wujud sehingga sekarang, dan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh Majlis ini sejak ditubuhkan sehingga sekarang.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Majlis yang ditubuhkan ialah Majlis Perundingan Akta Pendidikan (MPAP). Majlis tersebut ditubuhkan untuk membolehkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan mendengar pandangan-pandangan dari berbagai pihak. Majlis tersebut telah diminta meneliti peruntukan-peruntukan dalam draf Rang Undang-undang Pendidikan yang baru dan memberi ulasan dan pandangan mereka secara bebas.

Tugas Majlis tersebut telah selesai dan pandangan dari Majlis itu telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Kabinet berkenaan pada 17hb Disember 1991.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya dapat maklum berapakah anggota Majlis Perundingan Akta Pendidikan?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Perundingan

Akta Pendidikan ini terdiri daripada 81 orang yang mewakili berbagai pertubuhan, termasuk parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan agama daripada berbagai kaum.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya apakah halangan-halangan yang melambatkan hasil, iaitu Akta Pendidikan baru dikeluarkan setakat ini?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini, Akta Pendidikan ini tidaklah terlambat dan tidak ada halangan-halangan yang melambatkan Akta Pendidikan ini. Ia hanya melalui proses-proses yang teliti dalam kita membaharui dan mengemaskinikan isi Akta Pendidikan ini mengikut keperluan semasa dan juga pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak dalam Majlis Perundingan Akta Pendidikan ini. Saya ingin mengatakan di sini ia tidaklah dikatakan terlambat atau ada halangan-halangan atas Akta Pendidikan ini.

**'BILATERAL PAYMENTS  
ARRANGEMENTS'—  
PENINGKATAN  
PERDAGANGAN**

**4. Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa banyak 'arrangements' telah dibuat setakat ini dibawah 'Bilateral Payments Arrangements' (BPA);
- (b) dengan negara-negara apakah BPA ini dibuat; dan
- (c) berapa banyak nilai dagangan asing telah meningkat hasil daripada adanya BPA ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S.S. Subramaniam):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat,

- (a) setakat ini Malaysia telah menandatangani sebanyak 20 Bilateral Payments Arrangements (BPA).
- (b) BPA telah ditandatangani dengan Iran, Mozambique, Botswana, Fiji, Venezuela, Mexico, Romania, Zimbabwe, Chile, Peru, Algeria, Pakistan, Seychelles, Tunisia, Iraq, Vietnam, Uzbekistan, Nigeria, Sudan dan Argentina.
- (c) BPA telah menunjukkan hasil yang menggalakkan. Jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan telah meningkat dari RM2.1 bilion pada tahun 1989 ke RM3.3 bilion pada tahun 1992. Jumlah perdagangan yang dicatatkan bagi tempoh 8 bulan pertama tahun 1993 bernilai RM2.6 bilion. Adalah tidak mungkin untuk mengetahui sumbangan sebenar BPA kepada peningkatan perdagangan ini. Ianya adalah hasil daripada berbagai faktor termasuk BPA. Apa yang disumbangkan oleh BPA ialah ianya memberi keyakinan kepada perdagangan-perdagangan Malaysia dan di negara-negara Selatan yang berkenaan untuk berdagang. Dalam konteks untuk meningkatkan perdagangan dan kerjasama di antara negara-negara Selatan, Malaysia akan terus berusaha untuk menandatangani BPA dengan lain-lain negara Selatan.

**PERATURAN PEWARISAN  
HARTA PESAKA BAGI  
ORANG BUKAN ISLAM**

**5. Puan Kian Sit Har** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada

kerajaan telah menetapkan satu Peraturan Pewarisan (Pesaka) yang lebih adil dan saksama. Ini adalah kerana di bawah Peraturan Pewarisan (Pesaka) bagi orang-brang bukan bumiputera yang dikuatkuasa sekarang, seorang wanita hanya dapat mewarisi 1/3 dari harta pesaka yang diwariskan oleh suaminya walaupun harta ini merupakan harta yang diperolehi oleh mereka bersama selepas perkahwinan mereka. Dalam keadaan tanpa wasiat, seorang wanita hanya mewarisi 1/3 dari harta pesaka suaminya dan yang baki akan diwarisi oleh anak-anak mereka secara sama rata. Tetapi sekiranya seorang isteri yang meninggal, harta pesaka yang diwariskannya tidak akan diwarisi oleh anak-anaknya langsung, tetapi diwarisi sepenuhnya oleh suami.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang-undang yang masih terpakai bagi pembahagian harta pesaka bagi orang-orang bukan Islam adalah mengikut Akta Pembahagian 1958. Kerajaan belum menetapkan apa-apa peruntukan yang baru bagi pembahagian harta pesaka di bawah Akta tersebut.

Dari segi pewarisan pembahagian harta adalah dibuat ke atas harta yang ditinggalkan oleh simati tanpa mengarabil kira sama ada harta itu diperolehi oleh isteri bersama suami selepas perkahwinan. Kedudukan pembahagian harta berbeza apabila berlaku perceraian di antara suami-isteri, di mana sumbangan isteri dalam mendapatkan harta perkahwinan diambil kira apabila pembahagian harta dituntut seperti diperuntukkan dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Jika seseorang isteri itu hendak memastikan anak-anaknya atau ibu bapa mendapat hak ke atas mana-mana hartanya selepas kematiannya, dia perlulah membuat wasiat bagi mewasiatkan harta kepada sesiapa yang dia inginkan dan

wasiatnya itu akan mengatasi peruntukan mengenai pembahagian harta di bawah Akta Pembahagian 1958.

### **PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA LABUAN—PRESTASI**

**6. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Kewangan mengatakan:

- (a) berapa buah syarikat atau institusi kewangan antarabangsa telah mula beroperasi di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOGC) di Labuan; dan
- (b) Kemajuan dan Prestasi Pusat tersebut pada keseluruhannya

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Oktober 1993 sejumlah 25 buah syarikat kewangan telah berdaftar di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa di Labuan. Daripada jumlah tersebut, 21 adalah bank, 3 buah adalah syarikat insurans dan sebuah pengurus dana. Semua syarikat ini telah pun beroperasi, kecuali 2 buah bank dan sebuah syarikat insurans.

Prestasi Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan adalah menggalakkan. Bilangan syarikat yang berdaftar di Labuan telah meningkat daripada 11 buah dalam tahun 1990, 50 buah dalam tahun 1991, 113 buah dalam tahun 1992, kepada 226 buah pada masa ini. Biiangan ini dijangka akan terus meningkat di masa akan datang.

Untuk meningkatkan lagi daya tarikan Labuan kepada para pelabur, beberapa projek infrastruktur sedang dilaksanakan. Ini termasuklah pembinaan bangunan komersil, hotel-hotel, ruang pejabat, perumahan, hospital dan sebuah Taman Kewangan Antarabangsa. Dalam bidang telekomunikasi, kemudahan telah dipertingkatkan supaya dapat menampung

keperluan pelabur-pelabur Antarabangsa. Dari segi pengangkutan, pembesaran dan pengindahan jalan raya telah pun dilaksanakan di bandar Labuan. Hubungan udara dengan Labuan juga telah dipertingkatkan. Labuan kini mempunyai perkhidmatan udara secara terus dengan Bandar Seri Begawan setiap hari dan bandar Zamboanga di Selatan Filipina sebanyak dua kali seminggu. Pada masa ini terdapat 11 penerbangan ke Labuan setiap hari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Perlu saya betulkan, iaitu soalan nombor 6(b) perkataan 'kejanuan' sebenarnya 'kemajuan'.

#### MATEMATIK—TAMBAHAN PERUNTUKAN MASA

**7. Tuan Limun Laikim:** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan menjalankan kajian mendalam untuk menambah masa bagi pengajaran mata pelajaran matematik daripada peringkat sekolah-sekolah rendah hingga sekolah menengah untuk mempertingkatkan lagi kefahaman serta pencapaian keputusan yang lebih baik, terutama sekali kaum bumiputera di negara ini.

**Dr. Leo Micheal Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengkaji peruntukan masa pengajaran mata pelajaran matematik di peringkat sekolah rendah dan menengah kita. Pada masa ini, masa yang diperuntukkan sekarang adalah dirasai mencukupi. Walau bagaimanapun, kita meningkatkan tahap pencapaian dan juga kefahaman pelajar-pelajar dalam mata pelajaran ini. Jadi, pihak sekolah juga digalakkan untuk mengadakan kelas-kelas pemulihan dan juga kelas-kelas bimbingan kepada para pelajar.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya mata pelajaran matematik ini adalah merupakan mata pelajaran yang penting, khususnya dalam penentuan gred kelulusan peperiksaan. Rata-rata kita lihat dari segi keputusan peperiksaan, prestasi pelajar-pelajar bumiputera didalam mata pelajaran Matematik ini adalah rendah kalau dibandingkan dengan keputusan bukan bumiputera. Adakah Yang Berhormat dapat memberitahu sebab-sebab mengapa penuntut bumiputera lemah dalam mata pelajaran Matematik, sama ada sebab keturunan atau penekanan pengajaran mata pelajaran Matematik kepada bumiputera itu tidak ditumpukan?

**Dr. Leo Micheal Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar kelemahan pelajar-pelajar bumiputera dalam mata pelajaran matematik ini. Sebenarnya kalau kita meneliti keputusan-keputusan dalam peperiksaan awam di peringkat sekolah menengah dan rendah, kita dapati bahawa keputusan ini adalah ketara di kawasan luar bandar. Bila kita menganalisis perkara-perkara yang membabitkan keputusan yang kurang memuaskan itu, kita dapati antara sebab-sebabnya ialah kekurangan guru-guru matematik di kawasan-kawasan luar bandar dan juga penumpuan serta prestasi mereka ini dalam galakan sikap dan minat adalah juga menjadi satu faktor.

Akan tetapi, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah di mana kita telah memutuskan bahawa penempatan guru-guru ini juga akan dipertingkatkan di luar bandar dan kita akan meningkatkan kemudahan-kemudahan supaya guru-guru ini dapat ditempatkan di kawasan luar bandar, khususnya dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Berikutan dengan itu kita telah mengubahsuaikan KBSR dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di peringkat sekolah rendah dan juga di peringkat menengah rendah.

Pendekatan yang kedua yang kita ambil ialah di peringkat daerah di mana kita

menempatkan pegawai-pegawai di peringkat nazir dan juga di peringkat kurikulum. Guru-guru khas dalam mata pelajaran Matematik ini dari semasa ke semasa akan melawat kawasan-kawasan di mana sebelum ini kita tidak dapat memberiperkhidmatan, khususnya dalam matapelajaran Matematik dan Sains ini.

Dengan pendekatan-pendekatan yang telah saya sebutkan tadi dan juga mengubahsuai pendekatan dalam matapelajaran Matematik ini, kita merasai pencapaian mereka di masa yang akan datang akan dapat dipertingkatkan.

**Tuan Shuib bin Endut:** Soalan tambahan. Berapa tahun lagikah baru hendak cukup guru-guru Matematik yang dihantar ke luar bandar?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Pada masa sekarang kita telah meningkatkan lagi pengambilan guru-guru pelatih mulai dari tahun lalu (1992), khususnya dalam mata pelajaran Matematik dan Sains ini. Kementerian juga telah mengambil langkah untuk menempatkan guru-guru berpengalaman dan ini telah diusahakan mulai dari tahun ini, khususnya dalam mata pelajaran yang menunjukkan kelemahan di kawasan-kawasan luar bandar, iaitu mata pelajaran Matematik, Sains dan juga dalam bahasa Inggeris. Ini, kita usahakan melalui langkah pertama, menempatkan guru-guru berpengalaman dan memindahkan mereka ini ke kawasan-kawasan luar bandar.

Seperti yang saya katakan tadi, pendekatan kedua ialah meningkatkan pengambilan guru-guru Matematik dan pada bulan Disember ini, pengambilan pertama dibuat, khususnya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik - diadakan khusus di Maktab Perguruan yang baru kita mulakan di Kampus Bintulu, Sarawak - Khusus untuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji**

**Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, mengapakah penuntut-penuntut di luar bandar dianaktirikan oleh Kementerian Pendidikan dengan cara kurangnya penempatan guru-guru, kerana ini adalah alasan yang diberikan iaitu kurang penempatan guru-guru?

Soalan yang kedua, adakah puncanya kemerosotan pencapaian dalam Matematik kepada penuntut-penuntut di luar bandar berpunca daripada guru, ataupun adakah ianya berpunca daripada lain-lain faktor seperti sekolah yang serba kekurangan, maknanya bilik darjah yang tidak tersusun, kurang bangku dan meja dan seperti yang kita tahu beriak di sekolah-sekolah luar bandar?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kemudahan-kemudahan masih berkurangan di kawasan-kawasan luar bandar. Itulah sebabnya dalam pendekatan pendemokrasian dan juga reformasi pendidikan, kita telah menumpukan perhatian untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan di kawasan luar bandar dengan pengagihan peruntukan-peruntukan dan juga kemudahan-kemudahan yang kemaskini untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan di luar bandar. Dalam penempatan guru ini, boleh saya katakan, kita bukanlah menganaktirikan sekolah-sekolah di luar bandar, tetapi banyak masalah yang kita hadapi dalam menempatkan guru-guru kita ini, di mana guru-guru ini tidak mahu ditempatkan di luar bandar kerana kemudahan-kemudahan yang masih berkurangan. Walaupun mereka ditempatkan di luar bandar, mereka cuma berusaha selama dua, tiga tahun, selepas mendapat pengalaman, mereka akan meninggalkan kawasan luar bandar kerana mengikut suami dan lain-lainnya.

Jadi, untuk kita mengatasi masalah-masalah ini Kementerian telah membuat keputusan bahawa kita akan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan asas secara pakejdisekolah-sekolahluarbandar untuk memberi kemudahan yang boleh dikatakan sempurna untuk guru-guru kita dan tidak ada alasan untuk mereka tidak berkhidmat dengan sempurna di kawasan luar bandar.

### UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM—PELAKSANAAN

**8. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa:

- (a) walaupun wujud Undang-undang Keluarga Islam terutama di Wilayah Persekutuan yang memberi perlindungan hak kepada kedua-dua pihak suami atau isteri, pelaksanaannya tidak berkesan kerana tidak ada peraturan yang dijadikan undang-undang bagi melaksanakan perundangan itu dengan lebih berkesan; dan
- (b) Bahawa Undang-undang Syariah yang dijalankan di mahkamah Syariah di negeri-negeri tidak selaras dan selalunya dalam kes-kes nikah cerai, nafkah tidak berjalan dengan adil dan katau hukuman dijatuhkan, biasanya tidak berkuatkuasa sewajarnya dan dalam hal ini pihak wanita dan anak-anaklah selalunya menjadi mangsa. Sekiranya sedar, apakah tindakan tegas yang telah dilaksanakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

- (a) Kerajaan memang sedar ada ruang untuk memperbaiki pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam.

Oleh itu, Kerajaan sentiasa mengkaji isu-isu mengenai kekeluargaan daripada pelbagai aspek termasuk undang-undang. Sehubungan itu, sepertimana yang kita maklum, Kerajaan telah menaikkan taraf Mahkamah Syariah di seluruh negara dan mewujudkan Skim Pegawai Undang-undang Syariah yang setaraf dengan Pegawai Undang-undang Sivil sebagai langkah dan tindakan Kerajaan mengemas-kinkan sistem keadilan dan perundangan Islam yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam.

Sebagai Institusi yang baru berkembang, sudah tentu masih terdapat perkara dan peraturan yang perlu diperbaiki dan dikemaskinikan. Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak/Sivil yang ditubuhkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, yang terdiri daripada pakar undang-undang sivil dan syarak mengkaji serta membuat syor dan cadangan kepada Kerajaan mengenai undang-undang Islam dari semasa ke semasa.

- (b) Mengenai penyelarasan undang-undang Syarak di antara negeri, Kerajaan Persekutuan sedang berusaha untuk memperbaikinya. Kerajaan Pusat dari masa ke semasa mengkaji dan mencaripjalan penyelesaian yang paling baik tanpa menyentuh sensitiviti negeri-negeri kerana perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal Islam tertakluk di bawah bidang kuasa negeri. Oleh itu, Kerajaan berharap usaha yang telah dan sedang dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan penyelarasan akan diterima baik dan diterimapakai oleh pemimpin-pemimpin dan institusi-institusi di peringkat negeri.

**SKIM PEMILIKAN RUMAH  
PEKERJA—JUMLAH SIAP  
DIBINA**

**9. Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan di bawah Skim Perumahan Sendiri bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong, berapakah jumlah rumah yang telah siap dibina mengikut nama ladang dan negeri dari tahun 1991 hingga kini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, Jumlah rumah di bawah Skim Pemilikan Rumah Pekerja yang telah siap dibina mengikut nama ladang dan negeri dari tahun 1991 hingga kini adalah seperti berikut:

NAMA NEGERI	BILANGAN UNIT YANG SIAP DIBINA	TAHUN SIAP
Negeri Sembilan		
1. Ladang Sengkang, Port Dickson.	72	1992
Negeri Kedah		
1. Ladang Sg. Dingin, Kulitn	286	1991
2. Ladang Tentu Mewah	100	1991
3. Ladang Jerai, Bedong	91	1992
4. Ladang Kuala Muda, Sungai Petani.	230	1992
Negeri Melaka		
1. Ong Hin Tiang Estate.	42	1991
Negeri Pahang		
1. Ladang Bukit Dinding.	154	1992
Negeri Johor		
1. Ladang Kim Loong, Ulu Tiram	48	1991
2. Ladang Mengkibol, Kluang.	113	1992
Kelantan		
1. Ladang Pasir Gajah.	84	1991
<b>JUMLAH</b>	<b>1,220</b>	

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebabnya suatu rancangan skim perumahan pekerja tidak diamalkan dalam masa tersebut di negeri Selangor Darul Ehsan?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan tidak memaklumkan kepada Kementerian Sumber Manusia tentang sebarang skim baru yang dilaksanakan selepas tahun 1991.

**PEMINDAHAN AKIBAT BANJIR-  
JUMLAH PERBELANJAAN**

**10. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah penduduk yang dipindahkan akibat banjir:

- (a) tempat dipindahkan; dan
- (b) perbelanjaan

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun ini, setakat hari ini seramai 302 orang mangsa banjir di Johor, Pahang dan Kelantan telah dipindahkan ke-6 pusat pemindahan.
- (b) Perbelanjaan yang terlibat ialah lebih kurang RM10 ribu. Perbelanjaan ini adalah untuk tujuan menyediakan makanan dan kemudahan di pusat-pusat pemindahan banjir yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri-negeri yang terlibat.

**KENAIKAN HARGA BARANG—  
LANGKAH MENGATASI  
BEBANAN PENGGUNA**

**11. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri



dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengguna khususnya kenaikan harga barang-barang keperluan harian dan adakah Majlis Hal Ehwal Pengguna menjalankan tugasnya untuk kebaikan pengguna-pengguna khususnya yang berpendapatan rendah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam usaha mengatasi masalah pengguna terutama sekali berkaitan dengan kenaikan harga barang-barang keperluan ialah:

- (i) Mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat pengeluar dan pembekal supaya tidak menaikkan harga jualan tanpa sebab-sebab yang munasabah. Seberapa yang boleh, kenaikan kos yang berbangkit hendaklah diserapkan oleh mereka sekiranya kenaikan harga tidak dapat dielakkan, ianya hendaklah di paras yang paling rendah dan mencerminkan peningkatan kos yang terlibat;
- (ii) Meningkatkan pemeriksaan di peringkat borong dan runcit bagi menentukan tidak berlaku kenaikan harga dengan tujuan untuk mengambil keuntungan yang berlebihan; dan
- (iii) Menentukan setiap barangan yang dipamerkan untuk jualan diletakkan tanda harga bagi membolehkan bakal pembeli membuat perbandingan harga sebelum sesuatu pembelian dibuat. Dalam masa yang sama ianya juga bertujuan mewujudkan petandingan yang sihat di kalangan peniaga kerana peniaga yang menawarkan harga yang terendah akan menjadi pilihan atau tarikan pengguna.

Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri memang ada menjalankan aktiviti pendidikan pengguna, khususnya bagi yang berpendapatan rendah melalui:

- (i) Seminar, ceramah, bengkel dan pameran untuk melengkapkan pengguna dengan pengetahuan kepenggunaan supaya mereka tidak mudah terpedaya dan boleh bertindak sebagai pengguna yang bermaklumat;
- (ii) Khidmat nasihat yang diberikan oleh sekretariat MHEPN iaitu cawangan-cawangan Bahagian Penguatkuasa di seluruh negara. Dalam hubungan ini, MHEPN akan meningkatkan khidmat ini dengan menubuhkan Pusat Perkhidmatan Pengguna atau PPP di bandar-bandar utama di seluruh negara bagi kemudahan pemuda mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling yang lebih mudah mengenai kepenggunaan dalam tahun 1994; dan
- (iii) Penganugerahan kedai-kedai harga patut atau "fair price stores kepada kedai-kedai yang dikenalpasti sebagai menjual barang-barang pada harga yang rendah sebagai satu khidmat kepada pengguna-pengguna. Sebagai p e r m u l a a n y a , pengiktirafan kedai harga patut telah pun diberikan kepada 4 buah kedai di Langkawi baru-baru ini dan ini akan diikuti dengan p e n g i s y t i h a r a n - pengisytiharan bagi kawasan-kawasan lain pada awal tahun 1994.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah harga tiket-tiket wayang atau filem dimainkan di panggung wayang di bawah Kementerian Yang Berhormat atau di bawah kuasa Kementerian Kewangan? Jikalau di bawah Kementerian Yang Berhormat, adakah apa-apa langkah yang diambil untuk mengatasi masalah seperti peniaga-peniaga panggung wayang suka menaikkan harganya dengan sesuka hati sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Harga tiketkah atau harga makanan?

**Tuan Ho Cheng Wang:** Harga tiket.

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan itu ialah tidak.

**PERKHIDMATAN TELEKOM/  
TENAGA NASIONAL—  
KEPUASAN PELANGGAN  
SETELAH PENGSWASTAAN**

**12. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejak Telekom dan Tenaga Nasional diswastakan berapa ramaikah jumlah pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan kedua-dua syarikat dan nyatakan juga kepuasan pelanggan-pelanggan terhadap kedua-dua perkhidmatan berbanding dengan sebelum ianya diswastakan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan Telekom Malaysia sehingga 30 hb Oktober 1993 adalah 29,943 orang. Pada tahun 1992, jumlah pelanggan telefon telah meningkat kepada 2 juta dan ini telah membuktikan bahawa perkem-

angunan pesat telah dicapai dibidang telekomunikasi. Dengan peningkatan dalam perkhidmatan yang sedia ada dan juga perkhidmatan-perkhidmatan baru seperti video conferencing, telemarketing dan perkhidmatan rangkaian digital bersepadu (ISDM).

Nisbah perkhidmatan telefon sebelum diswastakan iaitu pada tahun 1986 adalah 6.4 bagi setiap 100 penduduk berbanding dengan 12 pada akhir tahun 1992 iaitu peningkatan menghampiri 100%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semenjak proses pemodenan dan rangkaian digital dilaksanakan, Telekom Malaysia telah berusaha dan dapat mempercepatkan lagitempoh pemasangan telefon baru daripada 1 bulan sebelum Telekom Malaysia diswastakan kepada 2 minggu pada masa kini. Selain daripada itu, tahap kecekapan Telekom mengendalikan rangkaian boleh juga dilihat dalam penurunan nisbah kerosakan talian daripada 1.12% pada tahun 1987 kepada 0.8% pada 1992. Telekom Malaysia telah berusaha bagi mempercepatkan usaha pemuliharaan kerosakan telefon. Ini dapat dilihat dari peningkatan peratusan pemuliharaan telefoh dalam tempoh 24 jam dari 84.5% pada tahun 1987 kepada 91.1% pada akhir tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Tenaga Nasional Berhad diswastakan pada 1hb September 1990 seramai 24,178 kakitangan terdiri dari 1,505 eksekutif dan 22,673 bukan eksekutif bertugas dengan syarikat ini. Tenaga Nasional sentiasa memberi keutamaan dalam memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan. Berbagai program untuk meningkatkan perkhidmatan dibuat seperti kaunter pungutan setempat, kaunter pungutan pandu masuk, mempercepatkan penyambungan bekalan, tindakan segera ke atas aduan pelanggan dan sebagainya.

Di samping itu, bagi tidak menggalakkan pelanggan menggunakan elektrik pada waktu puncak antara jam 10 pagi hingga jam 5 petang berbagai skim insentif telah diperkenalkan. Antaranya ialah skim permintaan tanpa gangguan, skim insentif waktu siang dan skim insentif penggunaan janakuasa disel tunggusedia.

Untuk memastikan Tenaga Nasional berupaya memberikan perkhidmatan yang baik, ia telah mengadakan berbagai kursus dan latihan mengenai perkhidmatan berkualiti kepada kakitangannya dari berbagai peringkat. Antaranya ialah perkhidmatan pelanggan berkualiti, pelancaran Minggu Kualiti dan kursus-kursus berbentuk kesedaran pelanggan diberi dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian telah diadakan pada bulan Ogos 1993 bagi mendapat tahu perasaan pengguna terhadap perkhidmatan Tenaga Nasional. Keputusan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Tenaga Nasional. Walau bagaimanapun, Tenaga Nasional masih terus berusaha memperbaiki perkhidmatannya terutama dari segi mengurangkan kekerapan gangguan bekalan dan mempertingkatkan lagi kecekapan kakitangannya.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan bekalan elektrik Tenaga Nasional, di negeri Kedah khususnya, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, kerap kali bekalan ini terputus pada waktu petang dan ianya disambung semula pada larut malam-pukul 3.00 atau 4.00 pagi. Di kawasan Yan saja contohnya, sebanyak 470 kali bekalan ini putus sepanjang tahun 1993. Kenapakah hal ini boleh berlaku dan apakah tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil bagi mengatasi masalah ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum bulan September 1993, memang berlaku "keputusan" elektrik ataupun pemotong bekalan elektrik di setengah-setengah tempat, tetapi sejak 1 hb November tahun ini, Tenaga Nasional telah dapat membekalkan tenaga yang cukup ke seluruh negara. Saya yakin pada bulan Disember ini, kalau Yang Berhormat memerhatikan, kemungkinan tidak ada lagi pemotongan bekalan elektrik, tambahan pula kalau di waktu malam kerana bekalan elektrik tidak cukup hariya daripada pukul 10.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang. Kita menjanah hampir-hampir 5,000 megawatt, tetapi kegunaan kita hanyalah 4,800 megawatt di siang hari. tetapi waktu malam, kita hanya menggunakan 2,700 megawatt. Bermakna, kita masih ada 2,300 megawatt yang tidak digunakan pada waktu malam.

Itulah sebabnya kalau kita nampak padang golf menggunakan lampu yang begitu banyak di waktu malam, ia tidak akan menyebabkan kekurangan elektrik kerana di waktu malam, kita banyak lebihan bekalan elektrik.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos selalu mengesan sama ada Syarikat Telekom Malaysia Berhad ada mengalami kenaikan dalam daya pengeluaran atau tidak dan kalau ada, adakah Kementerian ini mengambil tindakan ini untuk memastikan bahawa kenaikan dalam daya pengeluaran ini dipindahkan kepada para pengguna dalam bentuk kejatuhan dalam harga?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Molid. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak banyak menambah kakitangan dalam tahun 1987, bagaimanaya maklumkan dalam Dewan ini, Telekom Malaysia untung RM5 juta; tahun berikutnya

sebanyak RM180 juta; tahun berikutnya sebanyak RM365 juta; meningkat kepada RM565 juta; meningkat kepada RM1.12 bilion; dan tahun lalu sebanyak RM1.21 bilion; dan tahun lalu sebanyak RM1.4 bilion-dengan tidak menambahkan kakitangan,

Ini membuktikan bahawa sejak diswastakan, Telekom Malaysia telah dapat mencapai satu kejayaan yang begitu baik sekali, sama ada daripada segi kecekapan kerja, mahu pun dari segi keuntungan. Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar tarif, tetapi adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan, dengan keuntungan yang begitu banyak didapati oleh Telekom Malaysia supaya perkhidmatan telekom di kawasan-kawasan luar bandar dipertingkatkan supaya akhirnya setiap kampung di negara kita ini akan mendapat bekalan telefon dan kita juga berharap, kalau hari ini misalnya, penetration rate, dengan izin, 12 pada setiap 100 penduduk, kita berharap pada tahun 2005, setiap 100 penduduk, kita dapat bekalkan 42 telefon.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua. Tadi, saya cuba bertanya kepada Kementerian, adakah satu cadangan bagi Pengurus Tenaga Nasional tempatan mengambil bahagian dalam mesyuarat Majlis Daerah? Jadi, bolehkah dapat satu coordination, sebab saya mendapat sungutan bagi pemaju-pemaju, apabila projek perumahan hampir siap, pembekal elektrik ini tidak dapat memberi bekalan disebabkan transformer atau kabel tidak cukup?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Kakitangan Tenaga Nasional bersedia apabila dijemput untuk hadir ke Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah, Pembangunan Daerah, Majlis-majlis Tempatan ataupun Majlis Daerah.

Berkenaan dengan kuasa elektrik dan juga telefon yang hendak dibekalkan ke

kawasan-kawasan perumahan, sepatutnya apabila pelan dimasukkan kepada Majlis Daerah, maka satu salinan perlu juga dihantar kepada Telekom dan juga Tenaga Nasional untuk memberikan mereka tempoh bersiap sedia supaya apabila bekalan ini diperlukan, maka mereka telah pun ada bekalan.

Satu lagi, sekarang ini kita juga perlu membangunkan kawasan perumahan kita dengan lebih canggih supaya kabel-kabel telefon dan juga kabel elektrik Tenaga Nasional ini ditanam dan tidak lagi dibawa melalui tiang-tiang di atas. Jadi, ini akan dapat memperindahkan lagi keadaan di dalam taman-taman yang kita bangunkan.

**Tuan Haji Shuib bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya lihat di kawasan saya, tiang-tiang elektrik yang masih lagi kuat, tetapi diubah dengan tiang yang baru. Bolehkah saya hendak tahu, tiang-tiang itu kita dermakan kepada PPRT, kita jadikan rumah ataupun badan-badan sukarela. Jika boleh, macam mana caranya?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Tenaga Nasional sekarang ini memperkenalkan tiang-tiang yang diperbuat daripada konkrit ataupun simen. Kalau Tenaga Nasional tidak mengganti tiang-tiang di kawasan Ahli Yang Berhormat, kemungkinan juga Ahli Yang Berhormat akan menulis surat kepada saya mengatakan bahawa Tenaga Nasional menganaktirikan kawasan Kubang Pasu, kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kawasan lain diberi tiang konkrit, tetapi Kubang Pasu tidak diganti tiang kayu dengan tiang simen.

Berkenaan dengan tiang kayu yang digantikan, kalau misalnya ada projek-projek PPRT, maka Tenaga Nasional sanggup, bukan kita beri percuma kerana ini akan menimbulkan banyak masalah, tetapi kita boleh beri dengan harga yang paling minimum yang mungkin apabila

kita sebut harganya, Yang Berhormat sendiri mungkin terperanjat. Tetapi ini hanya untuk projek-projek PPRT dan bukan untuk projek-projek peribadi dan perseorangan.

### **PENCEMARAN UDARA— FAKTOR UTAMA**

**13. Dato' Soong Siew Hoong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah faktor-faktor utama diatur mengikut darjah keterukan yang menyebabkan pencemaran udara di negara kita. Apakah kesan-kesan relatif faktor-faktor ini ke atas harta benda, kesihatan serta keselamatan penduduk.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan pencemaran utama yang menyebabkan pencemaran udara di negara ini adalah karbon monoksida. Ini diikuti pula oleh nitrogen dioksida, habuk, sulfur dioksida dan hidrokarbon.

Pada tahun 1992, beban pencemaran karbon monoksida yang dihasilkan adalah 1,130 tan metrik; nitrogen dioksida sebanyak 164,000 tan metrik; habuk sebanyak 101,000 tan metrik; sulfur dioksida sebanyak 98,000 tan metrik; dan hidrokarbon sebanyak 58,000 tan metrik.

Bagi beban karbon monoksida, 99% dihasilkan oleh kenderaan bermotor. Hanya 1% oleh industri dan stesen janakuasa, manakala beban nitrogen dioksida, 53% dihasilkan dari kenderaan bermotor; 28% dari stesen janakuasadan 19% dari industri. Beban habuk pula, sebanyak 89% dari industri; 8% dari kenderaan bermotor dan 3% dari stesen janakuasa. Beban sulfur dioksida, sebanyak 49% dari stesen janakuasa; 44% industri dan 7% dari kenderaan bermotor. Beban hidro karbon, sebanyak 97% dari kenderaan bermotor dan 3% dari industri dan stesen janakuasa.

Kehadiran gas-gas yang berlebihan di udara seperti karbon monoksida, sulfur dioksida dan nitrogen dioksida boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan hidup manusia di samping menjejaskan tanaman-tanaman dan harta benda.

Penyakit-penyakit yang disebabkan oleh kandungan gas-gas yang berlebihan di dalam udara adalah yang berkaitan dengan organ manusia seperti kerongkong, paru-paru dan jantung. Penyakit ini lebih ketara di kalangan kanak-kanak dan orang dewasa yang telah berumur.

Kandungan sulfur dioksida dan nitrogen dioksida yang berlebihan di udara juga boleh mengakibatkan kejadian hujan asid yang boleh menyebabkan permukaan tanah-tanah dan air daratan menjadi lebih berasid. Keadaan ini akan menjejaskan pertumbuhan tanam-tanaman dan kehidupan akuatik. Hujan asid juga boleh merosakkan permukaan bangunan-bangunan dan harta benda yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, paras bahan pencemaran udara yang diukur di persekitaran iaitu ambient air quality, dengan izin, pada umumnya didapati terkawal dan di bawah garis panduan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan juga garis panduan-garis panduan yang disyorkan untuk kualiti udara di Malaysia. Paras bahan pencemaran udara ditepi-tepi jalanraya kadangkala melebihi garis panduan-garis panduan yang disyorkan di atas terutama pada waktu-waktu jalan raya menjadi terlalu sesak dan keadaan udara yang stabil.

### **DENDA KELEWATAN BAYARAN PERKHIDMATAN TELEFON**

**14. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah permohonan pemasangan telefon dari tahun 1992 hingga

1993 terutama di kawasan kampung dan apakah rasional STM mengenakan bayaran kerana penyambungan semula perkhidmatan telefon sebanyak RM50.00

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajo' Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan pemasangan telefon yang diterima dalam tahun 1992 adalah sebanyak 517,688. Untuk tahun 1993, jumlah yang diterima setakat akhir bulan November ialah 465,207.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenar Telekom Malaysia Bhd. menetapkan bayaran penyambungan semula atas kadar RM50.00 adalah sebagai deterrent, dengan izin, dan juga usaha untuk mendisiplinkan pengguna-pengguna supaya menjelaskan bil telefon dalam tempoh yang telah ditetapkan.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui dan jelas bahawa keuntungan daripada Kementerian yang berkenaan cukup besar. Tetapi apakah masalah utamanya masyarakat di desa dikenakan caj perkhidmatan telefon yang tinggi kalau diperbandingkan dengan kawasan-kawasan bandar?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan sememangnya Kementerian telah pun meminta supaya Telekom Malaysia menurunkan kadar bayaran sewaan telefon daripada melebihi RM17.00 ataupun RM20.00 kepada kadar RM17.00 dan RM20.00. Menjelang akhir tahun 1995, kemungkinan besar perkara ini akan dapat diatasi apabila Telekom Malaysia Bhd. dapat memasang stesen-stesen baru di kawasan-kawasan luar bandar.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut

jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bayaran sebanyak RM50.00 yang dikenakan ialah untuk sebagai langkah deterrent dan juga mendisiplinkan pengguna telefon. Jadi, ada kalanya pula telefon yang dikenakan sewa sebanyak RM20.00 tidak dapat digunakan sepanjang bulan. Jadi, adakah pihak Kementerian juga akan mengenakan deterrent atau pun disiplinkan Jabatan Telekom?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bayaran pemasangan semula RM50.00, kalau kita kaji kembali bahawa revenue atau pendapatan Telekom Malaysia adalah lebih kurang RM3 bilion setahun, kalau misalnya ada yang lambat sebulan, bermakna, RM300 juta. Maka itulah sebabnya Telekom Malaysia mengenakan bayaran pemasangan kembali RM50.00. Tetapi sebenarnya Telekom Malaysia Bhd. berharap supaya mereka tidak mengutip satu sen pun daripada pelanggan, bermakna kalau pelanggan boleh membayar dalam jangka masa yang telah ditetapkan, maka mereka tidak terpaksa memotong talian telefon dan mengenakan RM50.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat yang bertanya sama ada kalau telefon tidak boleh digunakan selama sebulan, apakah Telekom Malaysia Bhd. sanggup memulangkan kembali wang bayaran sewaan, jawabnya kalau empat hari telefon tidak boleh digunakan dan tidak dibaik pulih, maka pelanggan-pelanggan berhak menuntut kembali. Jadi, kalau ada kes-kes yang spesifik, saya memang tunggu supaya saya pun hendak lihat Telekom Malaysia Bhd. bayar balik. Kerana kalau kita lambat bayar panggilan, mereka kenakan RM50.00 dan kita juga kalau misalnya mereka lambat membaik pulih maka kita menuntut kembali daripada mereka, kalau tidak dapat dibaik pulih dalam tempoh empat hari.

**Tuan Haji Saidin bin Mohamad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Saidin, soalan tambahan ataupun soalan baru?

**Tuan Haji Saidin bin Mohamad:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat soalan barulah.

**Tuan Haji Saidin bin Mohamad:** Soalan baru.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan baru. Kebetulan pula soalan Tuan Haji Saidin Nombor 15.

#### LAWATAN PEMIMPIN NEGARA—JAMINAN KESELAMATAN

**15, Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah fakta-fakta kukuh tentang keselamatan yang membolehkan seseorang pemimpin negara ini menunaikan undangan seseorang pemimpin negara lain sedangkan negara itu tidak begitu aman seperti Bosnia-Herzegovina dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, semua aspek mengenai keselamatan pemimpin negara kita adalah penting dalam menimbangkan sama ada pemimpin-pemimpin negara kita patut menerima undangan pemimpin-pemimpin negara asing, lebih-lebih lagi sekiranya negara tersebut yang membuat undangan itu berada dalam keadaan tidak begitu aman.

Selain dari itu, faktor-faktor lain juga yang melibatkan kepentingan negara akan juga diambil kira sebelum sesuatu lawatan dibuat oleh mana-mana pemimpin negara kita.

#### PEMBINAAN KONDOMINIUM DI PUSAT BANDAR—KAJIAN KESELAMATAN

**16. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah Kerajaan sedang mengkaji semula berhubung dengan kelulusan pembinaan kondominium di tengah pusat bandar seperti di Kuala Lumpur. Ini akan menyebabkan kesesakan lalulintas yang semakin serius.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan kondominium di Kuala Lumpur adalah di bawah bidangkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mengikut pelan struktur Kuala Lumpur, pembinaan kondominium di tengah pusat bandar Kuala Lumpur adalah dibenarkan. Ini adalah kerana hanya bangunan kediaman kepadatan tinggi mampu menampung jumlah penduduk bandar Kuala Lumpur yang makin bertambah.

Mengadakan kediaman di tengah pusat bandar juga akan mewujudkan suasana "hidup" di tengah pusat bandar dan membantu menghindarjenayah. Dari segi kesesakan lalu lintas, ia sebenarnya boleh membantu mengurangkan kesesakan kerana ia mengurangkan jarak pergerakan dari tempat tinggal ke tempat kerja.

Dari segi keselamatan pembinaan berikutan keruntuhan kondominium di Hulu Kelang, sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini sedang mengkaji dasar-dasar mengenai pembinaan kondominium terutama dari segi keselamatan. Garis panduan serta arahan akan diumumkan oleh jawatankuasa ini dari semasa ke semasa.

**PEMBERIAN MENGIKUT  
BILANGAN ORANG UNTUK  
NEGERI KELANTAN—  
TUNGGAKAN**

**17. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** tntinta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah menjelaskan pemberian kewangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang dinamakan Pemberian Mengikut Bilangan Orang yang dikira mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Malaysia; dan
- (b) jika ya, berapakah jumlah pemberian kewangan tersebut sehingga bulan November, 1993.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bagi tahun 1993 Kerajaan Negeri Kelantan layak menerima sebanyak RM13,081,100 daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Pemberian Mengikut Bilangan Orang ataupun dengan izin, Capitation Grant.
- (b) Mengikut kaedah yang telah diluluskan oleh Parlimen melalui Akta Perlembagaan Pindaan 1993, penduduknegeri Kelantan seramai 1,197,900 orang layak menerima pemberian seperti berikut:
  - (i) bagi 550,000 orang yang pertama sebanyak RM60.00 seorang.
  - (ii) bagi 500,000 orang berikutnya, RM8.50 seorang.
  - (iii) bagi 500,000 berikutnya, RM9.00 seorang, dan baki selebihnya RM9.50 seorang.

(c) Sehingga akhir bulan November, 1993 jumlah yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Pemberian Mengikut Kiraan Kepala ialah sebanyak RM3,522,999.96.

(d) Pada akhir bulan Jun, 1993 Negeri Kelantan mempunyai tunggakan hutang dengan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM406,171,264.72. Baki pemberian ini iaitu di bawah Capitation Grant sebanyak RM9,558,100.04 mungkin diselaraskan dengan tunggakan hutang tersebut.

**IKLAN PENJUALAN KERETA/  
RUMAH/BARANG-BARANG—  
SYARAT TANDA HARGA**

**18. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk mensyaratkan diletakkan tanda harga kepada mereka yang mengiklankan penjualan kereta, rumah dan barang-barang di akhbar-akhbar bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang membuat kajian bagi mewajibkan segala bentuk iklan untukjualan barang-barang termasuk rumah, kereta dan sebagainya yang disiarkan melalui media massa terutama media cetak, dinyatakan atau dicatatkan tanda harga.

Kajian ini dibuat berikutan aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian yang menyatakan bahawa amalan mengiklankan barangan untuk dijual tanpa tanda harga



ini hanyalah satu taktik atau 'gimmick' oleh para peniaga yang tidak bertanggungjawab bagi memerangkap pengguna. Banyak masalah atau kekeliruan yang timbul berikutan amalan yang kurang beretika ini. Dengan yang demikian, Kementerian berpendapat bahawa kawalan secara perundangan perlu dilakukan bagi memastikan para pengguna diberi maklumat yang sewajarnya supaya mereka diberi peluang membandingkan harga atau pilihan sebelum sesuatu pembelian dibuat. -

**PERKHIDMATANKAUNTER  
KERAJAAN—LANGKAH  
MENGATASI  
PEMBA7IRAN MASA  
PENGGUNA**

**19. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha Kerajaan mempertingkatkan prestasi pekerja-pekerja di kaunter-kaunter Kerajaan yang berurusan dengan orang ramai sama ada dengan sistem lebih canggih atau menambah bilangan kaunter dan pekerja kerana masih banyak pembaziran masa pengguna berlaku kerana menunggu giliran panggilan kaunter.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari bahawa perkhidmatan kaunter adalah satu komponen penting ke arah mewujudkan perkhidmatan berteraskan pelanggan. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter supaya masa menunggu pelanggan dapat disingkatkan di samping menyediakan suasana yang lebih selesa. Satu Surat Pekeliling Kerajaan—Panduan Mengenai Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kaunter telah dikeluarkan. Panduan ini memberi model yang terperinci bagi membantu Jabatan Kerajaan meningkatkan mutu perkhidmatan kaunter.

Kerajaan jugatahalmewujudkanPusat-pusat Setempat bagi membolehkan orang awam memperoleh perkhidmatan daripada pelbagai Jabatan Kerajaan di satu tempat. Antara Pusat-pusat Setempat yang telah ditubuhkan adalah seperti Pusat Bayaran Setempat, Rangkaian Perkhidmatan Awam (Public Service Network) di Pejabat-pejabat Pos, Pusat Pelesenan Setempat di Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia, Pusat Pelesenan Setempat dan Perkhidmatan Kaunter Setempat. Dengan pengwujudan pusat-pusat setempat ini, pelanggan dapat menjimatkan masa kerana tidak perlu lagi pergi ke pelbagai Jabatan untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan.

Di samping itu, usaha-usahajuga telah dijalankan untuk membuat pembaharuan-pembaharuan dan penambahbaikan ke atas sistem dan prosedur yang diadakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan, memperkenalkan sistem komputerisasi dan lain-lain peralatan yang moden seperti 'Digital Calling System' dan menyediakan suasana menunggu yang lebih selesa. Usaha-usaha ini bukan sahaja dapat mengurangkan masa menunggu tetapi juga memberi keselesaan kepada pelanggan.

Satu lagi langkah baru Kerajaan untuk menjamin perkhidmatan kaunter yang berkualiti ialah dengan pengwujudan piagam pelanggan. Dengan adanya Piagam Pelanggan Jabatan Kerajaan yang memberi perkhidmatan kaunter dikehendaki menetapkan standard masa bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi.

Bagi memastikan semua usaha-usaha ini dijalankan dengan berkesan, Kerajaan juga memberi latihan kursus kepada staf di kaunter dari masa ke semasa. Usaha-usaha tersebut di atas telah menerima penghargaan dan sanjungan daripada orang awam yang berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi. Kerajaan akan

meneruskan usaha yang telah dilaksanakan ini dengan lebih giat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Wan Hamid Edruce.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 20.

**PEPERIKSAAN PMR/SPM—  
LANGKAH MEMPERBAIKI  
PRESTASI**

**20. Tuan Ding Seling** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada prestasi pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan PMR dan SPM meningkat daripada tahun sebelumnya, dan jika kurang memuaskan, nyatakan tindakan-tindakan untuk memperbaikinya.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penilaian Menengah Rendah buat pertama kali telah diadakan pada tahun 1993. Adalah tidak wajar untuk kita membandingkan keputusan antara prestasi PMR dan SRP (Sijil Rendah Pelajaran Malaysia) ini memandangkan PMR mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan SRP. Walau bagaimanapun, pencapaian PMR pada tahun 1993 adalah membanggakan. Berdasarkan prestasi secara keseluruhan, peratus kelulusan pelajar dalam sembilan daripada sepuluh mata pelajaran teras adalah melebihi 80% iaitu pelajar telah pun lulus sekurang-kurangnya dengan tahap pencapaian minimum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan peperiksaan SPM bagi tahun 1993 belum dapat diumumkan lagi. Walau bagaimanapun, prestasi SPM pada tahun 1992 ialah 72.4% berbanding dengan 71.3% pada tahun 1991.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soatan akhir. Tuan Michael Bong.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor 21.

**KAEDAH MENGAWAL  
KESIHATAN—KEFAHAMAN  
PENDUDUK LUAR BANDAR**

**21. Puan Hajah Zaleha binti Hussin** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa ramai rakyat luar bandar masih jahil tentang mengawal kesihatan dengan sempurna.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masyarakat luar bandar adalah tidak sejahil seperti yang dimaksudkan. Mereka mempunyai pengetahuan yang cukup tentang cara mengawal kesihatan dengan sempurna dan ini terbukti dengan penurunan kadar kematian ibu, kadar kematian bayi, kadar kematian prenatal, kadar kematian neonatal, kadar kematian toddler, kadar kematian kasar (GDR) dan kadar morbidity penyakit.

Semua ini tercapai melalui penyebaran pengetahuan kesihatan melalui program-program yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti:

- (a) Program Pendidikan Kesihatan yang merangkumi di dalam kemudahan kesihatan 'person-to-person teaching', posters dan risalah seminar terbuka; dan
- (b) Terdapat juga di luar kemudahan kesihatan melalui media massa; Program Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak; Program Perkhidmatan Kesihatan Sekolah; dan Program Pesakit Luar.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat segolongan masyarakat yang menerima pelajaran tetapi masih tidak mengubah sikap dan tidak mengamalkan apa yang

dipelajarinya. Ini menjejaskan tahap kesihatan amnya di masyarakat luar bandar. Sebab-sebab yang mungkin terjadi ialah:

- (i) Kurangnya tahap pendidikan;
- (ii) Masih mendapat media massa yang memaparkan 'kejayaan' pembedaan dan pengamalan salah seperti kejadian menyembuh penyakit barah melalui rawatan bomoh;
- (iii) Kepercayaan tradisi yang kental; dan
- (iv) Mempercayai bahawa pengajaran kesihatan adalah bercanggah dengan agama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekian, pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab-Mulut.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab-Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 48 adalah dijilid dalam buku berasingan).*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

#### Bacaan Kali yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *(20hb Disember, 1993)*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan.

3.37ptg.

**Tuan V. K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dan seterusnya menyokong Akta Perbekalan 1994 yang telah

disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi maksud memberi banyak manfaat dan kemudahan kepada rakyat Malaysia.

Memang tidak ada pencukaian baru atau kenaikan cukai yang memberatkan rakyat dalam Belanjawan 1994 ini. Malahan pengurangan cukai import bagi 500 barangan telah diumumkan. Rancangan pembasmian kemiskinan dan pembinaan rumah kos rendah adalah merupakan salah satu rancangan terbesar Kerajaan untuk membentuk satu masyarakat yang adil dan saksama.

Belanjawan 1994 adalah bertujuan untuk memperkukuhkan keadaan ekonomi dan mengurangkan inflasi. Akta Perbekalan 1994 yang berjumlah RM22,762,353,000 akan meningkatkan kemahiran dan produktiviti untuk membina masyarakat majmuk di negara kita. Oleh itu, saya sesungguh-sungguhnya mengalu-alukan Belanjawan 1994 ini. Di samping itu, suka saya menghuraikan masalah dalam bidang-bidang berikut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Perbekalan 1994 di bawah Maksud B. 26 sebanyak RM7,686,055 telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Jumlah ini merupakan agak tinggi apabila berbanding dengan peruntukan perbekalan lain. Peruntukan jumlah ini jelas menunjukkan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan mutu pendidikan kepada generasi yang akan mewarisi kita menjelang tahun 2020 kerana taraf kemajuan negara kita pada masa depan tergantung kepada pendidikan yang diberikan kepada anak murid kita. Di sini saya menyentuh sedikit-sebanyak tentang sekolah-sekolah menengah vokasional di negara kita.

Tujuan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan lebih banyak sekolah vokasional adalah baik dan patut dipuji. Tenaga mahir negara kita menjelang Tahun 2020 adalah tergantung kepada peranan

sekolah menengah vokasional sekarang. Oleh itu, saya merayu Kementerian Pendidikan untuk mendirikan lebih banyak sekolah menengah vokasional, sekurang-kurangnya sebuah sekolah di setiap daerah. Dengan ini, ramai pelajar boleh dapat belajar dan ini akan menjimatkan perbelanjaan Kementerian dan juga perbelanjaan ibu-bapa dari segi pengangkutan dan lain-lainnya.

Baru-baru ini mata pelajaran Kemahiran Hidup telah dikenalkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan juga mata pelajaran Sains dan Kajian Tempatan akan dikenalkan pada tahun depan. Saya dengan ini mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana begitu berusaha untuk memberi segala kemahiran belajar kepada anak murid kita menyesuaikan diri mereka dalam masyarakat yang menuju ke Wawasan 2020. Di samping itu, guru-guru sekolah rendah merasa sangat berat untuk menumpukan perhatian kepada pengajaran kerana penglibatan mereka banyak dalam kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum sekolah. Oleh kerana terlalu banyaknya kegiatan ko-kurikulum, guru-guru menghadapi berbagai masalah di sekolah dan jugalah luarsekolah. Mereka diarahkan melatih pelajar-pelajar menganjurkan aktiviti mengutip-derma. Kementerian Pendidikan perlu berwaspada tentang masalah ini dan perlu merancang sesuatu untuk mengurangkan bebanan ini. Di sini, saya mengesyorkan Kementerian Pendidikan untuk menambahkan nisbah guru berbanding dengan bilangan murid di mana bilangan guru di sekolah akan ditambah dan guru-guru boleh menumpu penuh kepada pengajaran.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini, saya mengambil peluang ini untuk menyentuh masalah yang terdapat dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Terdapat lebih kurang 6,000 orang guru sedang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Semenanjung Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, lebih kurang 1,800 orang guru ataupun 30% daripada bilangan guru SRJK(T) sedang mengajar secara sandaran tanpa latihan guru. Di SRJK (Cina) pula, hanya 15% daripada jumlah guru adalah guru sandaran tanpa latihan dan angka ini adalah 10% di SRK. Peratusan bilangan guru sandaran tanpa latihan di SRJK(T) adalah lebih tinggi apabila dibandingkan dengan peratusan guru-guru sandaran tanpa latihan di sekolah-sekolah lain. Ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan perlu mengambil inisiatif untuk menambahkan bilangan guru terlatih di SRJK.

Saya difahamkan bahawa tahun ini Kementerian Pendidikan tidak memberi peluang kepada sebarang guru ataupun calon untuk mengikuti latihan guru dalam bahasa Tamil. Kementerian Pendidikan telah menolak semua permohonan untuk mengikuti latihan guru bahasa Tamil dengan alasan semua permohonan tersebut tidak memenuhi syarat kelayakan. Dalam keadaan seperti ini, memanglah kita tidak menafikan bahawa mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa di SRJK(T) akan merosot.

Di sini saya ingin bertanya apakah hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan prestasi SRJK(T) dalam keadaan di mana pintunya tertutup untuk guru-guru sandaran tanpa latihan mengikuti kursus perguruan? Dengan cara manakah Kementerian boleh mengurangkan bilangan guru-guru tanpa latihan di SRJK(T). Oleh kerana kekurangan guru terlatih di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) berlaku berterusan sejak kebelakangan ini, maka terdapat keputusan bahasa Tamil di peringkat PMR telah merosot pada tahun ini. Dengan demikian, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan Malaysia supaya merancang sesuatu yang positif untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk membangkitkan satu

isu penting yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil di tanah air kita. Bilangan murid-murid di sekolah Tamil berada di bandar makin lama makin bertambah, kerana penghijrahan kaum keturunan India ke bandar untuk mencari kerja dan kehidupan yang lebih selesa. Kebanyakan di antara mereka sedang tinggal di kawasan-kawasan perumahan baru di bandar dan mereka mengalami kesusahan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil kerana jarak ke sekolah Tamil terlalu jauh atau tiada sekolah Tamil di situ. Di estet pula, bilangan murid-murid sekolah Tamil menjadi kurang kerana penghijrahan pekerja-pekerja ke bandar. Kebanyakan sekolah Tamil di estet-estet berada di dalam keadaan terpaksa ditutup.

Oleh yang demikian, saya merayu Kementerian Pendidikan untuk mengkaji perkara ini secara dalam dan saya mengesyorkan Kementerian Pendidikan untuk membenarkan pendaftaran sekolah yang akan ditutup untuk digunakan semula untuk mendirikan sekolah-sekolah Tamil di kawasan-kawasan yang memerlukan. Oleh kerana isu ini adalah sangat penting bagi masyarakat India dan seringkali dibangkit-bangkitkan dan diheboh-hebohkan selalu di kalangan mereka, saya berharap jasa baik Kementerian Pendidikan akan menumpu perhatian penuh kepada perkara ini untuk membuat sesuatu yang positif demi kepentingan pendidikan murid-murid sekolah Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 17—Jabatan Perdana Menteri. Implementasi Rancangan Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru oleh Kerajaan Malaysia telah memberi banyak manfaat kepada rakyat jelata di tanah air kita tanpa mengira kaum. Saya merasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas menjayakan usaha-usaha ini demi kepentingan rakyat. Dalam proses mengamalkan Rancangan Malaysia Pertama hingga Keenam dan Dasar Ekonomi Baru, ramai di antara pekerja-

pekerja sektor perladangan telah raeninggalkan estet-estet dan berhijrah ke bandar atau lain-lain tempat untuk mencari kehidupan yang lebih sesuai. Ramai diantara mereka juga ditempatkan semula di bandar-bandar dan taman-taman perumahan kerana tanah estet-estet diambil oleh Kerajaan untuk pembangunan. Dengan demikian, pekerja-pekerja estet terpaksa meninggalkan kemudahan-kemudahan asas awam seperti sekolah, kuil, balai raya, surau dan sebagainya dengan begitu sahaja. Apabila mereka ditempatkan semula di bandar, pihak yang memajukan kawasan tersebut tidak atau enggan menyediakan kemudahan-kemudahan asas ini. Ini menimbulkan banyak pertikaian di antara pekerja dan pemaju sehingga berlaku banyak pertengkaran yang berlarutan pada tempoh hari.

Oleh itu, Kerajaan harus berwaspada tentang perkara ini dan mesti mengambil langkah positif untuk menyelesaikan masalah pekerja ini dengan secepat mungkin. Segalahak dan kehendak pekerja yang terlibat mesti dilindungi. Di sini saya mengesyorkan Kerajaan bahawa kemudahan asas seperti kuil, sekolah dan balai raya harus dibina di tempat-tempat penempatan semula, iaitu kawasan-kawasan perumahan baru. Pihak Kerajaan mesti mewujudkan satu pendirian tegas dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 45—Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia kini membuka peluang latihan perindustriannya secara meluas kepada semua rakyat di Malaysia. Langkah berkenaan adalah satu pendekatan yang positif untuk melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang industri untuk memenuhi aspirasi Wawasan 2020. Di sini saya merayu Kementerian Sumber Manusia untuk mengadakan lebih banyak pusat-pusat latihan perindustrian di merata-rata tempat di seluruh negara. Dengan ini, lebih ramai rakyat boleh mengikuti latihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 20—  
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya dengan ini meminta jasa baik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya membuka peluang seluas-luasnya dalam perniagaan dan perindustrian kepada kaum India di negara ini.

Jumlah bantuan yang diterima oleh masyarakat India dari MITI pada masa sekarang adalah kurang memuaskan. Syarat-syarat ketat untuk menyertai tabung-tabung khas seperti Tabung Keusahawan Muda dan Skim Penyertaan Dalam Industri Kecil menjadikan penyertaan kaum India dalam skim-skim berkenaan sangat jauh kebelakang.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 49—  
Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Baru-baru ini Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah menolak cadangan Telekom Malaysia untuk menaikkan kadar bayaran perkhidmatan telefon pengguna bandar bagi mengimbangi penurunan kadar bayaran pengguna di luar bandar. Keputusan Kementerian ini adalah satu yang baik di mana pelanggan telefon di bandar akan menikmati faedahnya.

Di samping itu, saya meminta jasa baik Kementerian-kementerian supaya mengkaji kadar bayaran perkhidmatan telefon pengguna di luar bandar. Saya berpendapat bahawa penggunaan telefon sudah menjadi satu keperluan asas kepada semua keluarga baik di bandar atau pun di luar bandar. Untuk membolehkan semua keluarga menggunakan perkhidmatan telefon, saya meminta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengurangkan kadar bayaran perkhidmatan di luar bandar. Sekarang tiap-tiap pengguna telefon membayar bayaran pendahuluan, bayaran pendawiaan, bayaran untuk memasang tiang, sewa bulanan dan juga tiap-tiap panggilan sedang dicajkan menurut kadar tertentu. Oleh yang demikian, apakah pentingnya

Syarikat Telekom Malaysia mencajkan caj perkhidmatan pengguna, membayar sewa dan lain-lain caj untuk perkhidmatannya? Oleh itu, saya merayu kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengkaji semula bayaran perkhidmatan ini supaya dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 19—  
Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian juga boleh memainkan peranan yang penting di dalam penyertaan penduduk luar bandar dalam kegiatan bercucuk tanam dan penternakan. Publisiti mengenai perkhidmatan Jabatan Pertanian harus digiatkan supaya lebih ramai rakyat berfaedah dari programnya.

Apa yang dihuraikan dalam ucapan ini adalah beberapa bidang di mana penduduk luar bandar khususnya kaum India di Malaysia memerlukan bantuan Kerajaan melalui Belanjawan 1994. Terdapat banyak lagi aspek di mana kaum India sebagai golongan yang ketinggalan, memerlukan bantuan dan tunjuk ajar. Keseluruhan jentera Kerajaan dan Kementerian yang diamanahkan untuk membangunkan rakyat diminta agar diberi perhatian khas kepada golongan kaum India di negara ini yang memerlukan bantuan mereka melalui peruntukan Belanjawan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 44—  
Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan juga memperoleh peruntukan lebih dalam Belanjawan 1994. Sebilangan kecil peruntukan tersebut diharap dapat meninggikan mutu siaran rancangan radio dan TV dalam bahasa Tamil. Slot drama swasta Tamil tempatan yang dihentikan dengan alasan tiada tajaan ditaja, diharap dapat dimulakan semula dengan menguntukkan peratus kecil peruntukan kepada Kementerian Penerangan dalam Belanjawan 1994. Slot rancangan tempatan dalam bahasa Tamil di TV diharap dapat menambahkan unsur cintakan negara dalam masyarakat India. Di radio, diharapkan dapat memperbanyakkan rancangan yang

memberi peluang kepada penulis tempatan Tamil untuk menghasilkan karya mereka. Bilangan rancangan seperti itu berkurangan di tahun-tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 34—Kementerian Kesihatan Malaysia. Peruntukan kepada Kementerian Kesihatan juga diyakini akan dapat membantu memperbaiki kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan estet-estet.

Kerajaan sudah mula melaksanakan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di daerah Sepang, Selangor. Tidak lama lagi Sepang akan menjadi Majlis Perbandaran dan seterusnya, akan menjadi Bandaraya Lapangan Terbang, dengan izin, Airport City. Bilangan penduduk di sini akan bertambah pesat nanti. Pada masa sekarang pun, bilangan penduduk sudah bertambah dan bilangan kemalangan jalan raya pun sudah meningkat akibat pengguna jalan raya sudah bertambah. Oleh itu, sebuah hospital daerah sangat-sangat diperlukan di Sepang. Saya berharap, Kementerian ini akan bertindak untuk membina sebuah hospital daerah di Sepang dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 8—Jabatan Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan sistem gaji baru iaitu Sistem Saraan Baru (SSB) bagi kakitangan Kerajaan yang telah dilaksanakan pada tahun lalu telah memberi peluang kepada semua kakitangan untuk mempertingkatkan mutu kerja mereka. Pelaksanaan SSB ini telah mendapat sambutan baik walau pun terdapat sedikit sebanyak anomalinnya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan saya terhadap pemberian pergerakan gaji melintang kepada yang mendapat penilaian prestasi yang cemerlang. Untuk menerangkan maksud saya ini, saya mengambil sebuah sekolah sebagai contoh. Guru Besar

sekolah tersebut telah mendapat pergerakan gaji melintang pada tahun lalu. Ini jelas menunjukkan bahawa Guru Besar itu rajin bekerja. Prestasi beliau adalah cemerlang. Jadi, segala aktiviti-aktiviti sekolah dari ko-kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, keputusan peperiksaan dan lain-lain kegiatan sekolah itu adalah sangat baik. Pada pandangan saya, ini adalah hasil usahasama guru-guru dan kakitangan sekolah tersebut. Jika penilaian prestasi Guru Besar itu baik, tentulah penilaian prestasi semua guru dan kakitangan sekolah tersebut sangat baik. Pada logiknya, pergerakan gaji melintang perlu diberi kepada semua guru dan kakitangan sekolah itu. Tetapi pada amalnya, saya tidak nampak begitu. Apakah pendirian Jabatan Perkhidmatan Awam dalam hal ini? Oleh yang demikian, saya meminta Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji semula pemberian pergerakan gaji melintang ini supaya tidak ada perselisihan faham berlaku di antara Kerajaan dengan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 42—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Baru-baru ini terdapat banyak kes seperti penderaan kanak-kanak, pelacuran dan gadis-gadis hilang telah berlaku. Beberapa orang gadis-gadis yang diselamatkan oleh pihak Kementerian ini, telah kembali ke masyarakat dengan kehidupan baru. Saya di sini memuji dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian itu atas tindakan tepat dan cepat untuk menyelamatkan gadis-gadis ini.

Di samping itu, saya membangkitkan satu lagi masalah sosial iaitu terdapat lebih kurang 1 juta pekerja-pekerja asing sedang bekerja di tanah air kita. Di antara mereka terdapat juga ramai pekerja-pekerja asing yang telah berkahwin dengan wanita tempatan. Ada yang berkahwin melalui perkahwinan yang sah dan ada juga yang berkahwin secara yang tidak sah. Ekoran daripada perkahwinan ini, mereka mempunyai anak-anak. Apabila permit masuk atau permit pekerja asing

itu tamat tempohnya, pekerja tersebut pun terpaksa balik ke negara asalnya. Jadi, masalah akan timbul kepada isteri-isteri mereka yang berada di sini dengan anak-anak mereka. Dengan memandang kepada taraf hidup negara asal pekerja asing terlalu rendah berbanding dengan taraf hidup di Malaysia, maka sukarlah wanita-wanita Malaysia ke sana. Dengan hal yang demikian, mereka akan ditinggal dan dibiarkan begitu sahaja. Di sinilah masalah sosial akan timbul. Siapakah yang akan menjaga kanak-kanak ini? Ada kemungkinan ramai anak-anak ini menjadi anak yatim.

Masalah poligami di kalangan wanita ini akan timbul. Oleh itu, saya meminta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini bermuafakat dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia agar mengkaji perkara ini secara mendalam dan merangka satu undang-undang untuk menyekat pekerja-pekerja asing berkahwin dengan wanita tempatan. Jika tidak, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan menghadapi tugas berat untuk menyelesaikan masalah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Chong Chi Siong.

4. OOptg.

**Tuan Chong Chi Siong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi memberi peluang bagi saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan suatu Rang Undang-undang iaitu Belanjawan 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim kerana dapat mencipta pada kali pertama di mana negara kita telah

berjaya menghasilkan akaun lebih sebanyak RM511 juta untuk tahun ini.

Matlamat Belanjawan berimbang ini adalah idaman setiap negara di bumi ini. Ekonomi negara kian bertambah maju. Dalam Belanjawan Negara 1994, menunjukkan perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar adalah lebih baik daripada kadar 8% dan bermakna ekonomi negara telah bertumbuh dalam kadar 8%-9% selama 6 tahun berturut-turut kebelakangan ini. Ini menjadikan sumber kewangan negara terus bertambah mantap dan tabung kewangan negara meningkat dari 32.6% kepada 35.4%. Rizab luar negara meningkat dari RM47.2 bilion pada akhir tahun 1992 menjadi RM60 bilion pada tahun ini, manakala hutang luar negara meningkat dari RM42.7 bilion pada tahun 1992 kepada RM47.2 bilion tahun ini. Ini bermakna negara kita mempunyai lebih rizab luar negeri sebanyak RM13 bilion bersamaan lebih kurang mampu menampung 6.4% bahan import tanpa menjual apa-apa kepada negara lain. Kekuatan dan prestasi yang amat kukuh dan cemerlang ini harus diberi penghormatan yang khas kepada Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Inflasi, pengangguran dan kedhaifan rakyat merupakan musuh yang paling bahaya dalam perkembangan ekonomi negara. Perkembangan ekonomi yang pantas atau disaluti dengan inflasi sama ada kewujudan dalam atau diimport dari luaran.

Inflasi telah diramalkan akan menjangkau 4.7% pada akhir tahun 1992, tetapi atas kepintaran dan jimat-cermat dalam melaksanakan dasar kewangan negara serta ketegasan mengawal harga, maka inflasi negara kita bukan sahaja tidak meningkat, malah sudah turun kepada anggaran 2.9% pada bulan September. Ini adalah berita yang paling baik dalam Dewan ini. Namun demikian, saya menyeru bahawa semua pihak akan terus bekerjasama menangani inflasi ini lebih



lebih lagi pada musim perayaan yang akan menjelang tiba itu. Masalah barang-barang di musim perayaan terutama sekali barang makanan seperti limau manis harus diperbanyakkan dan importnya diperluaskan. Ini membolehkan golongan berpendapatan rendah dan rakyat luar bandar sama-sama merasai kemeriahan perayaan itu.

Saya masih berpendapat bahawa pemeriksaan harga barangan kawalan perlu dikerapkan bukan di bandar sahaja, bahkan di kedai-kedai perkampungan supaya kos barang kawalan, seperti tepung, susu, gula, telur dan lain-lain lagi adalah berpatutan selepas ditambah nilai lebih-lebih lagi 2 bulan sebelum tarikh perayaan itu.

Di sini, saya meminta agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat menyenarai bahan kawalan tambahan pada perayaan ini lebih awal, mungkin bulan Januari ini, supaya suri rumahtangga dapat membuat lebih banyak kuih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi negara kita tidak lagi hanya bertumpu kepada peluang perniagaan tradisional, tetapi harus berhijrah ke luar ke rantau Asia. Hasil eksport negara ke negara-negara ASEAN dan Asia Timur telah meningkat dari 30% pada tahun 1980 kepada 42% pada tahun ini. Perdagangan dua hala ini nescaya akan bertambah dengan adanya gesaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk meningkatkan Kerjasama Ekonomi Selatan-Selatan(G-15), Integrasi ASEAN, Ekonomi Asia Timur, penyusunan semula matlamat Komanwel dan hasrat kerjasama dalam ekonomi EAEC. Usaha kegigihan dan ketekunan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita 'yang tidak lekang dek letih' itu harus menjadi teladan kepada setiap rakyat Malaysia.

Polisi ekonomi terbuka ini telah membawa banyak rahmat kepada negara. Saya menyeru kepada ahli-ahli korporat,

entrepreneur-entrepreneur dan peniaga-peniaga tempatan akan terus merebut peluang keemasan ini untuk mengembangkan perniagaan mereka ke horizon yang baru. Perniagaan seharusnya tiada sempadan bumi, budaya, bangsa, bahasa dan politik.

Saya percaya semua perniagaan yang diamalkan dengan halal serta tertib dan mementingkan pulangan yang baik atas persaingan dan kualiti serta mutu hasilan yang ditambahkan dengan nilai kreativiti nescaya boleh maju bukan sahaja di rantau ini, bahkan di benua lain.

Cabaran dan persaingan perdagangan akan bertambah rumit dan aktif di rantau Asia ini dengan pengagihan prospek pemodal antarabangsa ke negeri China, Kampuchea, Vietnam dan Negeri-negeri Russia. Ini disokong pula dengan iklim perdagangan yang kurang menyenangkan di rantau negara EC dan sekatan Perjanjian NAFTA, negara kita Malaysia akan turun ke gelanggang sebagai anak wira bangsa. Kehadiran kita telah memberi impak dan wasangka dalam perdagangan yang selama ini dimonopolikan oleh Barat itu. Keraguan, kegelisahan dan kebimbangan pemimpin asing mula kelihatan belangnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak menghadiri mesyuarat APEC baru-baru ini. Kegelisahan ini menyebabkan Paul Keating hilang haluan dan muram serta hantaran kata-kata tangkisnya tempias jauh dari garisan gelanggang. Niat Perdana Menteri Australia ini menjolok, malangnya buah tidak dapat, yang jatuh adalah tebuhan. Saya berdoa kepala yang bengkak itu akan cepat sembuh. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, terpaksa saya kirimkan air kelapa muda sebagai penawarnya.

Saya mengambil peluang ini menyarankan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan lebih aktif dan berani dalam mesyuarat (conference), forum, perdagangan, pengiklanan dan publisiti, peluang perdagangan di negara kita. Kita harus berani menjualkan sistem

perdagangan dan pengagihan kekayaan bumi kepada pemodal-pemodal Barat dan memaklumkan bahawa Asia adalah rakan perdagangan dan bukan 'pak turut' negara maju.

Sebagai langkah dalaman Kementerian berkenaan harus mewujudkan bengkel maklumat tentang peluang-peluang perdagangan dan sentiasa menerima maklum balas atas kajian dan informasi tentang persaingan serta mutu hasil keluaran tempatan. Ia akan menjadi pusat sumber dan pakar rujuk peniaga yang amat penting dan berguna.

Suka saya ingatkan bahawa walaupun peluang perdagangan adalah lebih baik orang di rantau seperti di negeri China dan Vietnam, namun pihak Kerajaan harus memberi perhatian kepada perkembangan ekonomi tempatan khususnya dalam sektor pertanian dan perindustrian skala kecil. Mungkin saya agaknya, bak kata orang muda-muda 'suka meleter', tetapi kenyataan jelas bahawa industri pertanian adalah asas dan nadi perkembangan ekonomi negara.

Kerajaan perlu memberi bantuan dan pengawalan harga yang lebih baik dalam hasil keluaran getah dan sawah padi. Subsidi tanaman semula per ekar perlu dinaikkan dengan memandangkan kenaikan kos kehidupan, sistem bantuan baja dan bantuan pemerosesan hasil tanaman harus dibaiki pelaksanaannya supaya bantuan Kerajaan itu sampai pada masa yang diperlukan. Tanah yang terbiar dan sawah yang tidak mampu diusahakan oleh kerana usia petani yang meningkat, maka Kerajaan Tempatan harus membentuk projek perindustrian tani dengan konsep penswastan petani nasional.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama adalah untuk menjaga keperluan makanan saji rakyat tempatan. Memang adalah bahaya bagi negara kita hanya bergantung bulat-bulat kepada makanan import. Industri yang menggunakan 100% bahan mentah pertanian perlu diberi

keistimewaan dalam pengurusan dan peraturan perlesenan. Kawalan harga pasaran antarabangsa getah, kelapa sawit dan koko perlu dikaji semula demi menjaga kepentingan bersama negara-negara pengeluaran.

Negara masih menghadapi masalah pengangguran, iaitu kurang daripada 3%. Walaupun angka ini adalah paling kecil di rantau Asia tetapi kita harus berwaspada dan berhati-hati khususnya dengan bertambah seriusnya migrasi buruh asing dan pemindahan tenaga buruh tempatan ke negara luar. Saya bimbang sekiranya terdapat perubahan struktur dan penyusunan semula tenaga buruh di negara-negara yang kini dibanjiri oleh rakyat Malaysia, dan mereka ini terpaksa dihantar pulang, maka ia akan mewujudkan ketegangan, berlebihan tenaga buruh tempatan dan ini dirumitkan dengan tambahan buruh asing di negara kita. Keadaan ini akan menimbulkan banyak masalah sosial dan keselamatan negara. Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya menyediakan laporan yang lengkap tentang jumlah pekerja tempatan yang kini bertugas di negara asing dan adakan caturan tertentu tentang migrasi buruh asing di negara ini. Kita harus mempunyai keseimbangan bangsa buruh import dari negara-negara Asia supaya mengelakkan prinsip monopoli tenaga buruh dan akhirnya tenaga asing ini dapat menubuhkan persatuan atau kuasa buruh yang dapat menggugat ekonomi dan perindustrian negara. Saya meminta agar Kerajaan dapat memikirkan satu formula yang boleh menyekat pengaliran tenaga buruh tempatan dan sebaliknya menjadikan pasukan tenaga buruh yang mahir sebagai syarikat MNC negara.

Konsep kekitaan dan semangat setia kepada syarikat perlu disemai dalam jiwa buruh kita. Ini bukan sahaja dapat membuat kemajuan dalam syarikat bahkan mengelakkan masalah kekurangan pekerja serta mobiliti tenaga buruh yang ketara. Bahagian Tata Negara di Jabatan Perdana Menteri perlu memainkan peranan dalam

membentuk insan, kesetiaan kepada negara, bangsa dan juga syarikatnya. Sifat kenegaraan ini harus dipupuk dari masa ke semasa melalui forum, seminar, riadah syarikat dan kem membina semangat atau pembentukan insan dengan nilai moral yang tinggi dan kebanggaan bangsa Malaysia yang satu dalam jiwa mereka. Maka kita tidak harus bimbang dan sangsi akan kesetiaan mereka kepada negara. Jika pemodal tempatan atau pekerja-pekerja tempatan merantau di seluruh dunia, bukan sahaja di negeri China atau Vietnam, mereka tetap bangga bahawa mereka adalah rakyat Malaysia.

Baru-baru ini saya mempunyai kesempatan melawat Pulau Mauritius. Dalam lawatan itu, saya bertemu dengan seorang peniaga restoran. Saya merasa terkejut mendapati bahawa beliau adalah rakyat Malaysia dan telah berada di pulau itu lebih daripada lapan tahun. Tauke itu banyak bertanya tentang kampung halamannya di Malaysia dan rindu akan kehidupan dan sosial masyarakat kita di sini. Akhirnya, dia membelanja saya makan tengah hari kerana sama-sama bangsa Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Di Malaysia ini, di mana kampung dia? Apa nama kampungnya di Malaysia ini?

**Tuan Chong Chi Siong:** Tidak, ini di Mauritius.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Di Malaysia ini, di mana kampungnya?

**Tuan Chong Chi Siong:** Di mana kampung dia? Kampungnya samalah dengan kampung saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh! sama negerilah! (*Ketawa*)

**Tuan Chong Chi Siong:** Hasratnya memang ingin pulang ke tanah air. Buat masa ini dia menghantar keuntungan perniagaannya kepada keluarganya di Malaysia. Sikap dan tindakan peniaga

ini perlu dipuji kerana bukan sahaja ia dapat menambahkan simpanan keluarga di Malaysia bahkan membantu negara mengurangkan pertukaran wang asing. Isu kesetiaan dan bimbang terhadap permodalan tempatan mengalir ke negeri China atau negara-negara Asia lain tidak harus dipersoalkan. Sebaliknya memikirkan kebaikan yang berkesan bagi menarik pekerja-pekerja tempatan memindahkan kekayaan yang diperolehi di luar negeri ke dalam Bank Simpanan Negara.

Strategi percukaian yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita adalah langkah yang bijak dan menarik khasnya menggalakkan rakyat bersifat menyimpan dan bercermat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994 pertumbuhan ekonomi negara adalah 8% dan pendapatan perkapita negara dijangka akan meningkat. Pencapaian yang baik ini adalah hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional dan kestabilan politik negara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita. Negara kita telah melangkah setapak lagi ke hadapan dengan mengadakan perindustrian berat dan nilai tambahan teknologi yang tinggi. Ini bermula dengan Proton Saga dan kini berubah kepada 'Aerocraft' yang baru-baru ini dilancarkan di LIMA, Langkawi.

Sebagai langkah menggalakkan perkembangan industri berteknologi tinggi dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, Belanjawan 1994 telah menyenaraikan lapan kemudahan kepada syarikat-syarikat terbabit. Ini termasuk pengecualian cukai dan pampasan. Saya ingin menyarankan bahawa pengecualian ini harus ditimbangkan kepada industri-industri yang memiliki kawasan di luar dari zon perindustrian yang ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan. Pada masa ini kebanyakan perindustrian dan pembangunan hanya ditumpukan kepada Lembah Klang dan persekitaran Kuala Lumpur. Kesesakan dan kepadatan pembangunan ini akan membawa

kesesakan lalu lintas, kesesakan sosial masyarakat dan pencemaran udara. Pembangunan alam sekitar yang tidak seimbang ini akan melahirkan zon-zon panas atau dipanggil 'konsep rumah hijau'. Taburan perindustrian cara kelompok ini menyebabkan migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar dan seterusnya melahirkan masalah sosial dan keruntuhan nilai moral dan akhlak.

Pada hemat saya, dengan adanya peruntukan sebanyak RM2.289 bilion dalam melaksanakan beberapa projek utama jalan raya, projek landasan berkembar dan elektrifikasi antara Kuala Lumpur dengan Seremban dan Rawang dan terbinanya projek Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang dengan anggaran belanja RM9 bilion, maka konsep jarak bukan lagi kriteria pemilihan lokasi pertumbuhan industri. Oleh itu, pihak Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar perlu mengkaji semula perancangan pembangunan dan konsep zon perindustrian ini. Saya mengesyorkan bahawa industri yang memerlukan tenaga buruh intensif harus dipindahkan ke kawasan luar bandar memandangkan buruh yang murah dan banyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita mempersoalkan perkembangan industri berat dan teknologi tinggi, perlulah Kerajaan menjeling kepada pertumbuhan industri skala kecil khasnya industri yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dan bahan sokongan dan bahan nilai kepada industri berat.

Rata-ratanya 'entrepreneur' industri skala kecil ini adalah anak tempatan yang kurang dalam modal dan kedaifan pasaran antarabangsa. Industri kecil ini memang tidak mampu bersaing dengan industri yang besar dan kukuh dengan saluran pasaran serta sumber bahan mentah.

Bahan mentah adalah terhad, maka kos membeli adalah lebih tinggi kalau dibeli dengan besar jadi kos pengeluaran

adalah lebih tinggi. Ini meletakkan industri skala kecil ini dalam kedudukan persaingan yang amat tidak adil, tambahan lagi industri-industri yang terletak dalam zon perindustrian mendapat banyak kemudahan dan pengecualian ekonomi luas dari Kerajaan Tempatan.

Saya menyarankan bahawa semua industri skala kecil harus diberi keistimewaan dan pengecualian cukai dan bantuan penyelidikan supaya dapat berkembang menjadi syarikat yang besar. Pada masa yang sama semua zon atau kawasan perindustrian harus ditetapkan kawasan khas untuk pertumbuhan industri skala kecil seiring dengan pertumbuhan industri berat. Industri skala kecil ini akan mendapat kemudahan dan harga tanah yang sama adalah lebih rendah dari industri besar ini. Langkah ini adalah menggalakkan pertumbuhan industri kampung di zon-zon tertentu dan mengatasi masalah taburan industri-industri rumah yang haram dan tidak tersusun.

Selain dari itu, industri berat harus digalakkan membina jaringan atau pertalian perdagangan dengan industri skala kecil ini. Jika mampu memegang saham industri berat itu, ini membolehkan saling mempelajari hi-tech industri berat dan meningkat mutu dan prestasi industri skala kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi akan membawa perkembangan dan pembangunan 'threshold', dengan izin, yakni akan menambahkan lingkaran pengangkutan.

Belanjawan 1994 telah memperuntukkan RM1.2 bilion kepada Kementerian Kerja Raya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi pembinaan atau meluaskan lingkaran tengah dan projek lain di sekitar Kuala Lumpur.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa banyak jalan raya yang dibina

sebelum dan selepas merdeka itu sudah tidak muat untuk kegunaan kenderaan khasnya lori treler berat buat masa ini. Jumlah kenderaan telah berlambah dan kesibukan jalan raya jugabertambah bukan sahaja oleh kenderaan bahkan manusia sendiri sama ada pejalan kaki atau berbasikal.

Jadi, lebar jalan raya yang ditetapkan oleh JKR dengan ukuran kategori gred A dan gred B perlu dikaji semula. Buktinya amat jelas apabila lori balak atau lori pengangkutan biasa melalui jalan raya Bukit Putus, Kuala Pilah akan memaksa kenderaan hadapan berhenti supaya lori ini dapat melalui kawasan itu.

Jika pada masa yang sama, terdapat motosikal melalui jalan yang sama maka keadaannya amat berbahaya kerana kemungkinan besar digesel oleh lori itu. Jenis kemalangan ini telah banyak berlaku disepanjang jalan raya Bukit Putus, Kuala Pilah-Seremban itu."Saya meminta Kementerian Kerja Raya akan memberi keutamaan dan perhatian yang serius terhadap projek melebarkan jalan tersebut.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pengangkutan bahawa kegunaan lori treler yang panjang dan besar ini harus dihadkan kepada kawasan dan jenis pengangkutan.

Sebaliknya isu peraturan pengangkutan lori balak, perlu diperkemaskinikan pelaksanaannya.

Pada masa ini pemandu lori yang melanggar peraturan khasnya melebihi berat dan akan disaman oleh JPJ tetapi sebelum balak ini dibawa keluar dari sumbernya atau benar-benar melalui jalan raya, pihak Polis Hutan telah memeriksa jumlah berat muatan balak lori dan surat kebenaran telah dikeluarkan.

Selain dari itu, pihak Kastam juga telah mengangalkan duti eksport yang perlu dibayar. Jadi, yang salah atas kelebihan berat ini adalah dikenakan ke

atas pemandu lori ataupun pihak berkuasa tertentu yang membenarkan lori itu keluar dari kawasan sumber ini.

Saya juga difahamkan bahawa kayu balak perlu diangkut dalam bentuk empat segi di atas lori dan sehingga kini masih tidak faham bagaimana kayu bulat boleh disusun menjadi empat segi.

Saya ingin tahu adakah rancangan Kementerian Pengangkutan akan menggalakkan pengangkutan kayu papan siap gergaji di hutan daripada pengangkutan balak vendor itu?

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi negara haruslah seiring dengan peningkatan akhlak dan nilai murni. Kegiatan najis dadah, jenayah kolar putih dan perbuatan yang tidak sopan sama ada dalam badan Kerajaan dan badan berkanun perlu ditapis dan dikikis demi menjaga imej negara. Ini amat penting kerana pelawat-pelawat asing akan sentiasa menilai mutu layanan dan budaya-bahasa bangsa kita. Program Tahun Melawat Malaysia Tahun 1994 dijangka akan menarik 7 juta pelancong dan akan membawa hasil sebanyak RM4.6 bilion kepada RM6 bilion. Jumlah pelancong ini tentu akan meningkatkan perniagaan lain seperti perkhidmatan pengangkutan, pemakanan dan lain-lain lagi.

Rancangan dan program Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah berjaya menarik perhatian pelancong luar. Program LIMA adalah salah satu usaha yang harus dipuji, tetapi kesibukan ini terdapat hotel tertentu di Langkawi menaikkan harga sewa bilik mereka kepada beberapa kali ganda. Sikap ingin cepat kaya ini akan memburukkan industri pelancongan negara, jika keadaan ini tidak ditapis, maka akan menjadi penyakit dan merebak ke kawasan lain dan akhirnya sistem keadilan pengguna dan etika perniagaan tidak lagi wujud, maka nilai tidak bererti lagi. Kepentingan pengguna dan perkhidmatan yang cemerlang adalah etika setiap peniaga. Rancangan

penswastaan Kerajaan juga memegang kepada perkhidmatan cemerlang dan 'efficiency' pengurusan.

Pada masa ini Telekom negara seolah-olah mulai terpesong dari matlamat utamanya dan kini bertindak secara ugutan dan denda mandatori. Saya tidak bersetuju sama sekali di atas dendaan RM50 di atas kelewatan membayar bil telefon dalam masa sebulan. Adakah kerja memasang balik talian telefon begitu rumit sehingga kosnya RM50 sedangkan setiap pelanggan masih ada cagaran dalam bil mereka? Saya berharap tindakan yang terburu-buru ini tidak berulang lagi dan meminta agar pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sentiasa memberi nasihat kepada pihak penswastaan ini bagi mengelakkan wujudnya sentimen tidak puas hati di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana dapat membukakan pintu pendidikan kepada institusi-institusi swasta dan juga menggalakkan program pendidikan berbentuk kembar. Usaha ini akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mendapat didikan tinggi dan kemahiran yang luas. Saya menyeru Kerajaan agar dapat menarik pihak swasta sama ada dari dalam atau luar negara mendirikan maktab atau institusi kejuruteraan, perubatan dan lain-lain bidang sains dan teknologi. Ini akan memajukan serta membantu Kerajaan menyediakan sumber tenaga manusia bagi mencapai Wawasan 2020.

Selain dari itu, konsep sekoiah perpaduan yang dikemukakan pada suatu ketika dahulu harus dilaksanakan secepat mungkin.

Konsep ini yang menyediakan sekolah Melayu, Cina dan Tamil dalam satu kawasan sahaja akan membentuk perpaduan dan jalinan silatur-rahim anak-anak itu sejak di bangku sekolah lagi. Prestasi Bahasa Melayu di sekolah jenis

kebangsaan mungkin akan bertambah baik, kerana terdapat campuran dan latihan bertutur bahasa itu. Saya ingin tahu, adakah Kerajaan telah sedia mengadakan universiti terbuka untuk rakyat yang kurang bernasib baik pada masa muda dahulu dan kini rasa ingin belajar di universiti. Kelas malam ini akan menambahkan pengetahuan dan pembentukan insan yang kerdil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata dan pandangan di atas, saya menyokong Belanjawan tahun 1994 diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan yang berkenaan, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jamaludin untuk mempengerusikan Mesyuarat. Silakan.

(Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Sila Yang Berhormat teruskan.

4.32 ptg.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya berdiri pada hari ini kali pertama dan merupakan ucapan sulung dalam Dewan yang mulia ini, pertamanya ingin saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas keyakinan dan kepercayaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara baru-baru ini.

Juga ingin saya merakamkan penghargaan, terima kasih kepada Kerajaan negeri Pahang di bawah pimpinan Y.A.B. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd. Khalil bin Yaakob yang turut memberikan keyakinan kepada saya untuk berada dalam Dewan yang mulia ini. Insya Allah, keyakinan ini tidak akan saya sia-siakan bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan yang berada di sini untuk terus bersama-sama bagi mengangkat maruah dan martabat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum membahaskan Belanjawan 1994 ini, izinkan saya mengambil kesempatan awal ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah dan terima kasih, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana sekali lagi telah membentangkan Belanjawan yang cukup memberangsangkan. Tidak keterlaluan jika saya nyatakan bahawa Belanjawan berimbang 1994 ini adalah yang terbaik dalam sejarah Malaysia. Kalau mengikut teori ekonomi, semakin baik pertumbuhan kita, semakin tinggi kadar inflasi. Tetapi di Malaysia teori itu terbalik, semakin tinggi pertumbuhan ekonomi, kadar inflasi dapat kita pertahankan.

Justeru itu, marilah kita bersama-sama mengucap syukur di atas segala rahmat dan kemakmuran yang telah dilimpahkan pada kita. Tidak ada negara di dunia ini yang menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat dan melebihi 7% sejak 6 tahun yang lalu. Kemakmuran ekonomi ini ditambah pula dengan kestabilan politik dan sosial yang senantiasa menjadi idaman banyak negara di dunia ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah, khususnya kepada Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru. Kita mengharapkan agar perjuangan idealismenya akan diteruskan untuk membasmi kemiskinan dan menaikkan taraf hidup rakyat di negara kita ini.

Berhubung dengan Belanjawan 1994 ini, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada beberapa isu penting yang akan dihadapi pada tahun 1994 dan tahun-tahun berikutnya. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1994 ini merupakan satu belanjawan yang adil yang boleh dikatakan memberi faedah kepada seluruh rakyat di negara ini. Oleh itu, sewajarnya kita merakamkan setinggi penghargaan ke atas Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempunyai semangatimbang rasa yang tinggi, kesedaran yang penuh untuk terus berusaha segigih-gigihnya bagi menyenangkan hidup rakyat di segenap lapisan, dan memastikan faedah pembangunan negara ini dapat dinikmati oleh semua golongan secara adil dan saksama.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh begitu ghairah dengan kemewahan dan kesenangan yang akan diperolehi melalui Belanjawan 1994 ini. Kita tidak boleh sama sekali merasa leka dan terlalu bersukacita dengan faedah yang diperolehi dari Belanjawan ini, seolah-olah kita berada di zaman kegemilangan dan menganggap bahawa Belanjawan yang lebih baik lagi akan terus disediakan pada masa-masa hadapan. Sebaliknya kita perlulah bersyukur dengan apa yang diperolehi setakat ini dan bersedia untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar dan merumitkan. Jelas pada kita semua, Kerajaan pada hari ini adalah Kerajaan yang senantiasa menjaga kepentingan rakyat dan akan memberi apa sahaja dalam kemampuannya, demi untuk mempertahankan lagi mutu hidup rakyat sekalian:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat dan menganalisa corak agihan peruntukan Belanjawan 1994 ini dari aspek yang saya kira amat penting pada tahap pembangunan negara kita ketika ini, iaitu aspek kemajuan dan ketahanan ekonomi masyarakat Melayu dan kaum bumiputera lainnya. Sesungguhnya saya merasakan

Kerajaan mengambil satu jalan yang begitu berani menerusi Belanjawan ini untuk terus menggerakkan sektor-sektor ekonomi negara yang berlandaskan inisiatif rakyat amnya dan sektor swasta khususnya. Kerajaan berhasrat berhajat untuk bertindak sebagai penyedia kemudahan-kemudahan sokongan dan suasana yang positif di samping menjadi pengawas yang cekap yang dapat menggalakkan sektor swasta khususnya memainkan peranan yang berkesan dalam usaha meningkatkan lagi prestasi sosio-ekonomi di negara kita ini. Sesungguhnya ini adalah satu tren sebagai satu tahap transformasi pembangunan yang mencabar dan berharap pihak swasta khususnya syarikat-syarikat yang telah establish, dengan izin, akan benar-benar menyambut seruan tersebut, bukan sahaja untuk memperteguhkan kedudukan mereka, tetapi juga memperluaskan pembentukan peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan penyertaan supaya dapat dinikmati secara adil oleh rakyat dari berbagai-bagai kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang secara umumnya dimaklumkan, Kerajaan sebagai sektor awam telah memainkan peranan yang besar di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Setelah Dasar Ekonomi Baru ini tamat, Kerajaan sendiri mengakui bahawa penglibatan masyarakat Melayu dan bumiputera dalam arus perdana ekonomi negara masih jauh dari matlamat yang ditetapkan. Oleh itu, Belanjawan 1994 ini semestinya juga dilihat dalam konteks kekurangan pencapaian ekonomi bumiputera. Setelah ianya digubal dengan strategi-strategi tertentu, maka pelaksanaannya mestilah diperkukuhkan dan diperkemas supaya setiap sen yang dibelanjakan akan menepati sasaran yang ditujui. Oleh itu, saya berharap Kerajaan akan menimbang untuk menambah dengan berkesan jumlah peruntukan pembangunan, khususnya untuk sektor-sektor yang berhubung secara langsung dengan kepentingan masyarakat Melayu

dan bumiputera seperti pertanian dan luar bandar serta perdagangan dan perindustrian.

Sektor-sektor yang termasuk dibawah klasifikasi perkhidmatan ekonomi ini seharusnya diberi lebih perhatian dan tekanan, memandangkan ia menghadapi suasana yang lebih mencabar pada tahun-tahun 1990-an ini. Oleh yang demikian, amatlah penting supaya agensi perancangan dan pelaksana yang termasuk di bawah sektor-sektor tersebut seperti FELDA, RISDA, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah-wilayah dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri serta Kementerian-kementerian utama seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Perdana Menteri sendiri diberikan sokongan kewangan yang cukup untuk menghadapi suasana baru tersebut dengan lebih berkesan. Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya cadangan Belanjawan 1994 ini perlu dianggapkan sebagai satu langkah positif ke arah membantu rakyat negara ini, khususnya masyarakat bumiputera menghadapi cabaran-cabaran transformasi sosio-ekonomi yang sedang dialami oleh negara kita. Strategi-strategi yang telah ditetapkan amatlah tepat dan dijangka akan terus menggerakkan sumber-sumber pembangunan negara ke arah membawa negara kita ke satu tahap yang lebih dinamik dan moden. Saya berharap, dalam proses ini pihak Kerajaan juga akan memberi perhatian terhadap keupayaan dan kebolehan bertindak masyarakat bumiputera agar mereka dapat mengecapi nikmat sepenuhnya daripada pelaksanaan Belanjawan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menumpukan perhatian kita kepada pertumbuhan ekonomi dan di dalam kita merasa bangga dengan kemajuan dan pencapaian ekonomi ini, kita kian lupa kepada satu masalah pokok dalam



masyarakat dan negara kita. Masalah pokok ini ialah kedudukan ketidakseimbangan di antara kaum di negara kita, iaitu di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Ketidakseimbangan ini adalah suatu ketidakseimbangan yang luas jurangnya, yang begitu ketara dan yang membezakan bumiputera dengan bukan bumiputera di dalam banyak segi. Ketidakseimbangan ini mempunyai beberapa dimensi.

Pertama di dalam hal pendapatan purata. Pada tahun 1987, pendapatan bukan bumiputera ialah 1.648 kali daripada pendapatan purata bumiputera. Perbezaan ini mempunyai banyak implikasi, seperti perbezaan mutu hidup, perbezaan daya untuk maju, sumber untuk simpanan dan pelaburan dan sebagainya.

Kedua, kadar kemiskinan di kalangan bumiputera adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan bukan bumiputera. Tambahan pula punca-punca kemiskinan di kalangan bumiputera merupakan faktor-faktor yang sukar untuk diatasi. Selagi mereka terperangkap dalam kemiskinan ini, adalah sukar untuk mereka dan anak-anak mereka untuk maju pada masa-masa hadapan.

Ketiga, dari segi penyertaan dalam bidang ekonomi, perbezaan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera adalah begitu luas. Sekiranya kita mengandaikan penyertaan dalam ekonomi ini dapat diukur berdasarkan kepada pemilikan ekuiti korporat, kita dapat lihat penyertaan bumiputera adalah hanya 19.6% sahaja pada tahun 1990. Dari jumlah ini 6% dipegang oleh agensi-agensi amanah dan hanya 13.6% sahaja yang dipegang oleh individu bumiputera berbanding dengan 56.7% yang dipegang oleh bukan bumiputera. Badan-badan korporat mewujudkan sebahagian besar daripada peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan, justeru itu mereka secara langsung adalah menguasai ekonomi negara. Jurang ketidakseimbangan di antara 13.6% yang dipegang oleh individu

bumiputera dengan 56.7% yang dipegang oleh bukan bumiputera menonjolkan perbezaan penguasaan ekonomi di antara dua kumpulan ini.

Keempat, dari segi penyertaan dalam sektor-sektor ekonomi, sebahagian besar daripada bumiputera masih lagi dalam sektor pertanian, dan di bandar-bandar pula sebahagian besar daripada mereka berada di dalam sektor-sektor informal, seperti warung-warung makanan dan pasar-pasar malam. Manakala sebahagian besar bukan bumiputera pula adalah terlibat dalam sektor pembuatan, pengedaran, penjualan borong dan runcit dan perdagangan antarabangsa. Sektor-sektor yang disertai oleh bumiputera ini bercirikan nilai-nilai tambahan kadar pertumbuhan dan kadar pulangan yang rendah, manakala sektor yang disertai oleh bukan bumiputera pula lebih tinggi nilai tambahnya, kadar pulangan dan kadar pertumbuhannya. Sektor-sektor pembuatan dan sebagainya yang dikuasai oleh bukan bumiputera adalah begitu berpengaruh dalam ekonomi negara pada hal sektor-sektor yang disertai oleh sebahagian besar masyarakat bumiputera adalah kurang berpengaruh di dalam ekonomi negara.

Kelima, corak ekonomi bumiputera begitu berbeza berbanding dengan corak ekonomi bukan bumiputera. Corak ekonomi bukan bumiputera mempunyai rangkaian yang mantap di kalangan entiti perniagaan, sistem pembekalan, pengedaran dan pemasaran dan perhubungan dengan perdagangan antarabangsa. Boleh dikatakan bahawa corak ekonomi bukan bumiputera merupakan satu sistem yang lengkap dan menyeluruh, manakala corak ekonomi bumiputera tidak menunjukkan kewujudan ciri-ciri tersebut, malah dapat dikatakan corak ekonomi bumiputera terdiri daripada entiti-entiti yang berasingan dan di antara mereka tidak wujud rangkaian yang kuat.

Bagi bukan bumiputera, dengan sistem yang lengkap itu dapat bertindak sebagai

satu sistem, manakala bumiputera terhad kepada tindakan secara individu dan terasing di antara satu sama lain. Dimensi-dimensi ketidakseimbangan ini menunjukkan betapa luas dan mendalamnya jurang ketidakseimbangan di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Bumiputeraberpendapatan lebih rendah. Sebegitu ramai di kalangan mereka yang masih berada di dalam kemiskinan, memiliki peratus yang kecil dalam ekuiti-ekuiti korporat, majoritinya dalam sektor yang kurang berdaya-maju dan mempunyai corak ekonomi yang belum lagi tersusun dan masih lagi, under-developed, dengan izin, berbanding dengan bukan bumiputera yang lebih tinggi pendapatannya, dengan hanya sebilangan kecil sahaja yang berada dalam kemiskinan, memiliki lebih separuh jumlah ekuiti korporat, menguasai sektor-sektor yang penting dan mempunyai corak ekonomi yang telah pun menjadi sebuah sistem.

Setelah melihat kedudukan ketidakseimbangan pada masa ini, eloklah kita cuba melihat keadaannya pada masa hadapan. Kita semua menyaksikan berbagai perubahan dan berbagai arah aliran di dalam ekonomi negara dan seharusnya membuat penelitian bagaimana perubahan dan arah aliran ini akan memberikan kesan kepada ketidakseimbangan itu, sama adajurang itu akan dapat dikurangkan atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, kita dapat lihat perubahan struktur ekonomi negara, di mana dahulunya ia berteraskan pertanian, tetapi kini ia berteraskan pembuatan dan industri perkhidmatan.

Yang kedua, Kerajaan telah mengurangkan penglibatan secara langsung di dalam ekonomi dan menyerahkan kepada sektorswasta untuk menjadikannya pertumbuhan ekonomi negara.

Yang ketiga, perdagangan antarabangsa akan terus meningkat berikutan daripada

perubahan struktur ekonomi dan peningkatan pelaburan asing. Perubahan-perubahan ini yang kian mewujudkan senario ekonomi yang baru dijangka mempunyai kesan yang berbeza ke atas kedudukan bumiputera dan bukan bumiputera negara ini. Bukan bumiputera yang sedia terlibat dalam sektor-sektor pembuatan dan industri perkhidmatan menguasai sektor swasta dan perdagangan antarabangsa akan menerima manfaat yang lebih banyak dan lebih besar daripada bumiputera yang kurang terlibat dalam sektor pembuatan dan industri pembuatan, lemah di dalam sektor swasta dan di dalam perdagangan antarabangsa. Di dalam keadaan sedemikian, ketidakseimbangan yang sedia luas di antara bumiputera dan bukan bumiputera dijangka akan kian meluas.

Tuan Yang di-Pertua, sayamenyanjung tinggi pendekatan dan usaha-usaha Kerajaan di sepanjang tempoh 20 tahun yang lalu yang telah pun mencapai pelbagai perubahan di kalangan masyarakat bumiputera dan memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat bukan bumiputera. Walaupun begitu, sebagaimana yang telah sayahuraikan, jurang ketidakseimbangan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera masih luas dan ketara. Jurang ketidakseimbangan yang begitu luas, faktor-faktor pokok yang menyebabkan ketidakseimbangan itu dan kemungkinan semakin meluasnya jurang tersebut, menuntut pendekatan yang lebih bertenaga dan yang bertepatan dengan punca-punca permasalahan ini.

Saya percaya kita menghayati permasalahan negara ini dan saya yakin, kita semua merasa betapa beratnya tanggungjawab mencari cadangan untuk mengatasi masalah ini. Justeru itu, saya ingin mengutarakan beberapa pandangan dan cadangan.

Yang pertamanya, Kerajaan harus memberikan peluang-peluang pertumbuhan ekonomi, dan hendaklah diagihkan dengan cara yang lebih saksama

di antara bumiputera dengan yang bukan bumiputera. Tanggungjawab pengagihan ini tidak seharusnya menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Tanggungjawab ini hendaklah dipegang bersama oleh sektor swasta yang merupakan jentera utama pertumbuhan ekonomi yang menjanakan sebahagian besar daripada peluang-peluang itu dan yang senantiasa mendapat insentif, perlindungan dan dorongan yang kian bertambah dari Kerajaan, sebagaimana yang dapat kita lihat dalam Belanjawan 1994 ini. Sektor swasta yang meliputi pelabur-pelabur asing hendaklah mengagihkan peluang-peluang kontrak dan bekalan dan agensi-agensi pengedaran dan pemasaran yang terbit daripada operasi mereka dengan cara yang lebih saksama di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Yang kedua, keupayaan bumiputera di dalam bidang ekonomi hendaklah dipertingkatkan supaya mereka dapat mengambil peluang-peluang tersebut dan dapat menjalankan perniagaan mereka dengan jayanya. Peningkatan keupayaan ini meliputi peningkatan keusahawanan, pengurusan dan kemahiran iktisas dan teknikal serta peningkatan sumber-sumber sokongan perniagaan seperti pembiayaan, pemasaran, pembekalan, latihan dan maklumat pasaran. Peningkatan ini juga hendaklah merangkumi peningkatan di peringkat individu iaitu di peringkat perseorangan dan syarikat-syarikat individu dan peningkatan di peringkat kumpulan-kumpulan seperti Persatuan-persatuan Perniagaan dan mewujudkan rangkaian-rangkaian perniagaan di antara mereka.

Peningkatan ini hendak dibuat secara berterusan sehingga keupayaan bumiputera sama ada di peringkat individu mahupun di peringkat kumpulan adalah setahap dan setanding dengan keupayaan bukan bumiputera yang sudah pun begitu mantap. Dengan penyamaan keupayaan ini, persaingan di antara bumiputera dan bukan bumiputera akan berlandaskan asas yang sama. Dengan itu, kita akan mencapai

persaingan yang lebih adil dan saksama pada masa-masa hadapan.

Ketiga, masyarakat bumiputera hendaklah menyertai sektor-sektor perdana ekonomi dengan sepenuhnya. Sektor-sektor perdana seperti pembuatan, pengedaran dan perdagangan antarabangsa akan menjadi tunjang ekonomi negara. Ianya mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baru dan ianya mempunyai nilai tambahan atau, dengan izin, value added, yang tinggi. Masyarakat bumiputera yang begitu ketinggalan dalam sektor-sektor perdana ini hendaklah dibantu untuk meningkatkan penyertaan mereka. Peluang-peluang yang dijanakan oleh sektor-sektor ini perlulah diagihkan secara saksama di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Keupayaan bumiputera dalam sektor-sektor ini hendaklah dipertingkatkan supaya mereka dapat mengambil peluang-peluang yang diagihkan pada mereka itu. Usaha-usaha ini hendaklah diambil supaya penyertaan dalam sektor-sektor perdana ini mencerminkan komposisi masyarakat di negara kita ini. Dengan demikian, kesemua golongan di dalam negara kita akan dapat manfaat secara saksama dari sektor-sektor yang berkenaan.

Yang keempat, masyarakat bumiputera hendaklah meningkatkan penyertaan mereka di dalam bandar-bandar utama terutama sekali di dalam aktiviti-aktiviti penting perdana atau, dengan izin, mainstream activities, di bandar-bandar itu. Bandar-bandar utama ini adalah seperti di Lembah Klang, Johor Bahru, Pulau Pinang, Seberang Prai yang kini merupakan nadi ekonomi negara.

Dengan penerimaan pelaburan baru yang jauh lebih tinggi daripada pelaburan yang diterima oleh bandar-bandar yang lain, bandar-bandar utama ini kian menguasai ekonomi negara. Selain dari itu, bandar-bandar ini juga, mengenai pemikiran, pendekatan serta strategi baru digubal atau diterima daripada dunia luar. Usaha-usaha hendaklah diteruskan supaya

masyarakat bandar-bandar ini mencerminkan masyarakat negara supaya kesemua golongan dapat bersama-sama dibawa oleh arus kemajuan di dalamnya supaya tidak terdapat golongan yang dinafikan hak dan peluang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dekad 1990-an dan awal abad ke-21 ini adalah satu era yang sangat mencabar dari sudut antarabangsa, persekitaran ekonomi dan politik dunia dijangka akan terus berubah-ubah dan tidak menentu. Sejak tamat perang dingin dan jatuhnya blok komunis menyebabkan pola ekonomi dan politik dunia turut berubah. Kemunculan Amerika Syarikat sebagai kuasa tunggal dunia telah mendorong mereka menggariskan orde baru dunia mengikut kehendak dan cita rasa mereka sendiri. Dari sudut ekonomi pula, kemelesetan ekonomi negara-negara maju telah menyebabkan kita terpaksa berhadapan dengan pelbagai kenehan mereka yang mesti ditangani secara diplomasi.

Perjanjian Pusingan Uruguay baru-baru ini jelas menimbulkan implikasi dagangan dunia yang memihak kepada negara-negara maju sahaja. Hakikat ini akan meletakkan Malaysia dalam kemelut ekonomi dunia yang tidak menentu dan penuh cabaran. Benar pada masa ini kita bergembira dengan prestasi ekonomi kita yang memberangsangkan, tetapi adakah kita yakin dengan apa yang kita ada sekarang ini, Malaysia mampu untuk meneruskan peningkatan ekonomi yang baik dan meletakkan dirinya di kalangan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, syabas kita ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana Belanjawan 1994 yang dibentangkan baru-baru ini telah sedikit-sebanyak menjelaskan persoalan di atas dan seterusnya memperlihatkan keyakinan Kerajaan ke arah pengekaln kesejahteraan ekonomi dan pencapaian matlamat Wawasan 2020. Belanjawan 1994 ini jelas telah mengambil aspek-aspek globalisasi persaingan sengit

dalam mendapatkan modal dan teknologi. Kewujudan blok-blok perdagangan dan kewujudan pasaran-pasaran baru akibat keruntuhan sistem komunis. Kewujudan aspek-aspek berkenaan menjadikan persaingan dalam ekonomi dunia lebih sengit dan hebat.

Dalam senario yang sedemikian, asas untuk berjaya dan menjadi pendahulu ataupun leader, dengan izin, adalah berbeza. Kedapatan buruh yang ramai, upah yang murah, sumber asli yang berlambak bukan lagi satu kelebihan kepada negara kita. Justeru itu, Belanjawan 1994 itu begitu jelas matlamatnya adalah untuk menangani masalah ini. Usaha-usaha yang dibuat adalah bertujuan untuk menghadapi cabaran-cabaran baru dan hakikat-hakikat baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjalanan kita ke arah mencapai Wawasan 2020 dan dalam menangani persaingan yang mencabar, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya rasa penting untuk membolehkan Malaysia terus berkembang dan mencapai matlamat yang telah digariskan. Yang pertamanya, asas perindustrian negara. Untuk mengetahui bahawa sebahagian besar pendapatan eksport kita dari eksport perkilangan adalah daripada barang-barang elektronik dan elektrik. Boleh dikatakan industri ini adalah digerakkan atau, mengikut pandangan sebahagian orang, dikuasai sepenuhnya oleh pihak asing (foreigners). Segala-galanya termasuk modal, teknologi dan kepakaran sumber manusia adalah digerak atau dikuasai oleh mereka. Manfaat dari industri ini kepada Malaysia hanyalah dari segi sumber pekerjaan. Jelas bahawa industri ini datang ke Malaysia kerana kedapatan bilangan buruh yang ramai dan kos buruh yang murah. Sudahlah industri ini mempunyai nilai tambah yang rendah, ia juga terdedah kepada proses perpindahan harga.

Persoalannya, adakah kita boleh bergantung kepada industri ini untuk dijadikan sebagai asas perindustrian

negara? Kita merasakan bahawa asas industri negara yang bergantung kepada industri ini yang dikuasai oleh kepentingan asing adalah terlalu lemah. Asas ini adalah terlalu lemah untuk meningkatkan Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian yang mantap dan berdaya maju pada masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Malaysia raenjadi sebuah negara perindustrian, kita tidak ada pilihan; modal, teknologi dan kepakaran tempatan mesti kita pertingkatkan. Kita tidak perlu rasa segan, kita tidak perlu rasa malu kerana terpaksa bermula dengan menggunakan modal, teknologi dan kepakaran asing dan pada masa yang sama mempertingkatkan kekuatan tempatan. Kita tidak perlu malu menjadi pengikut dan menggunakan hak cipta, lesen dan bantuan asing. Kita tidak sepatutnya rasa malu untuk bermula sebagai pengikut, tetapi kita mestilah tidak terus kekal sebagai pengikut. Mungkin mengambil masa yang panjang dan memerlukan usaha yang keras tetapi kita mesti bermula daripada sekarang. Jelas untuk bersaing pada masa yang akan datang, Malaysia mesti melibatkan diri dalam industri berasaskan ilmu, knowledge-based industry, dengan izin, dan industri pada masa hadapan atau industry oftomorrow, dengan izin. Dengan cara ini sahaja, Malaysia akan dapat menembusi pasaran antarabangsa. Industri yang begini tidak lagi bergantung kepada buruh dan sumber tetapi penekanan adalah kepada teknologi dan kepakaran. Contohnya, kalau dahulu dalam industri pembuatan kabel, 70% kosnya adalah bahan dan buruh tetapi sekarang dengan penggunaan teknologi yang moden dan canggih, kos bahan dan buruh hanya 10% sahaja di mana peratusan besar kos adalah pada pembiayaan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu negara kita harus mengenal pasti apakah industri masa hadapan yang akan diambil. Dalam hubungan ini, Kerajaan mesti menjadikan perkara ini sebagai misi negara, Seluruh tenaga dan badan-badan awam dan swasta,

mestilah digemblengkan untuk membangunkan suatu industri hadapan yang telah dikenalpasti. Satu pelan induk mesti diwujudkan. Contohnya Jepun telah mengenal pasti bidang sumber komputer adalah bidang perlu pada masa hadapan. Negara berkenaan telah menyediakan US\$ 10 milion untuk memperkembangkan bidang yang berkenaan.

Yang kedua, dari segi teknologi. Asas kepada pembangunan industri negara adalah teknologi, telah sampai masa dan ketikanya kita menggemblengkan semua aspek-aspek, agensi-agensi penyelidikan termasuk universiti-universiti tempatan menghalakan penyelidikan mereka kepada pembentukan teknologi untuk keperluan industri masa hadapan. Semestinya diwujudkan penyelarasan terhadap agensi-agensi penyelidikan termasuk universiti-universiti tempatan berkenaan untuk ke arah pembentukan industri baru. Selain dari itu, mesti juga diadakan perancangan untuk menghasilkan barang-barang keluaran baru.

Yang ketiga, dari segi pembangunan sumber manusia. Industri masa hadapan kurang bergantung lagi kepada buruh tetapi lebih bergantung kepada kepakaran. Oleh itu, perancangan pembangunan sumber manusia negara mestilah dihalakan kepada penyediaan industri masa hadapan. Sejajar dengan itu, sistem pendidikan negara perlu dihadkan semula berdasarkan struktur keperluan kepakaran negara, kerja pada masa yang akan datang. Kalau perlu, jumlah sekolah-sekolah teknik, politeknik dan universiti dipertingkatkan untuk menampung keperluan tersebut.

Menyentuh mengenai aspek pendidikan ini, saya ingin membicarakan sesuatu mengenai penglibatan sektor swasta. Kita mengalu-alukan langkah Kerajaan membenarkan penglibatan meluas sektor swasta dalam bidang pendidikan terutamanya peringkat pengajian tinggi. Kewujudan kolej-kolej berkembar telah memberi peluang dan ruang yang luas kepada rakyat Malaysia untuk melanjutkan

pelajaran di peringkat tertinggi. Saya berharap, Kerajaan mengambil perhatian terhadap kolej-kolej berkembar ini. Penubuhannya mestilah berasaskan dan selari dengan keperluan industri di masa hadapan dan bukan semata-mata untuk menjimatkan tukaran wang asing.

Selain dari itu, sebagai sebuah negara majmuk, pemilik-pemilik kolej berkembar dan bilangan penuntut-penuntutnya mestilah mencerminkan komposisi kaum yang ada di negara kita ini. Setakat ini, bidang ini adalah tertumpu kepada satu etnik sahaja.

Keempat, ketidakseimbangan wilayah. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Kewangan kerana Belanjawan 1994 jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan untuk mengimbangi pembangunan antara wilayah-wilayah. Malangnya, Sabah dikuasai oleh Pembangkang. Oleh itu, Belanjawan 1994 boleh digunakan oleh penduduk Sabah sebagai bukti komitmen Kerajaan Pusat untuk membangunkan mereka. Lebih cepat rakyat Sabah balik kepada Barisan Nasional, lebih cepatlah kemakmuran akan dikecapi oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ini datang daripada Pantai Timur, saya tidak dapat lari daripada menyentuh mengenai "Eastern Corridor", dengan izin. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana memberikan perhatian khusus beliau untuk membangunkan ekonomi negeri-negeri di Pantai Timur. Dalam kenyataannya, beliau telah menyatakan, Eastern Corridor ini meliputi keseluruhan negeri Kelantan, Terengganu dan sebahagian daripada negeri Pahang dan Johor. Untuk negeri Pahang dan Johor, saya berharap Kementerian dapat mempercepatkan penentuan kawasan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan agar. ....

*(Telefon berbunyi)*

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Sebentar, Yang Berhormat.... Apa yang berbunyi itu?

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Telefon.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Minta benda itu dibawa keluar. Sila teruskan.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Tuan Yang di-Pertua, harapan saya pada Kementerian Kewangan agar penentuan kawasan yang terlibat hendaklah bergantung kepada kedudukan ekonomi kawasan berkenaan sekarang dan kadar pertumbuhan ekonomi kawasan berkenaan pada masa kini. Janganlah pertimbangan dibuat berdasarkan jaraknya daripada pusat pertumbuhan penting negara, iaitu Lembah Klang.

Saya bimbang, kalau kriteria ini yang digunakan, separuh dari negeri Pahang ini akan terkeluar daripada Eastern Corridor, khususnya di Pahang Barat. Jelasnya, walaupun hampir dengan Lembah Klang—di Pahang Barat ini hampir dengan Lembah Klang, kawasan Bentong, Raub, Lipis, Jerantut, Mentakab dan Temerloh masih ketinggalan. Syor saya, kalau boleh, di seluruh negeri Pahang dimasukkan ke dalam Eastern Corridor ini. Tambahan kepada itu, saya juga menyarankan Kerajaan memberikan sedikit perhatian kepada kawasan Pahang Barat ini. Walaupun jaraknya begitu dekat dengan Kuala Lumpur, tetapi peluang pembangunan begitu terhad dan terkebelakang.

Saya tidak faham bagaimana kawasan yang begitu strategik ini begitu ketinggalan dari segi pembangunan. Dengan ini saya mencadangkan, pertamanya, Kerajaan harus membina segera jalan-jalan raya yang begitu lama daripada zaman penjajah yang banyak rosak yang saya kira perbelanjaan untuk membaiki ke-rosakannya adalah terlalu banyak, berjuta-juta ringgit, sedangkan jalan ini sejak

ditubuhkan dan sejak dibentuk daripada zaman penjajah sehingga kini masih belum ada langkah-langkah Kerajaan untuk membaharunya atau membuat jalan-jalan yang lain. Kerajaan juga harus membuat pembukaan kawasan-kawasan perindustrian yang lebih banyak di kawasan ini. Pembinaan infrastruktur yang lebih baik dan pembinaan pusat-pusat pengajian tinggi seperti universiti dan institut teknologi.

Dalam Belanjawan 1994 ini, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan untuk mengurangkan cukai korporat. Saya percaya, perkara ini akan memberi insentif kepada sektor korporat untuk mempertingkatkan prestasi pada tahun-tahun yang akan datang. Sejajar dengan kemurahan hati Kerajaan ini, saya mencadangkan cukai pendapatan individu juga mesti dikurangkan. Saya percaya dengan pengurangan itu akan meningkatkan tabung swasta dalam ekonomi dan urusan niaga pelabur kecil dalam BSKL. Untuk menampung kekurangan pendapatan, Kerajaan bolehlah memperbesarkan bidang-bidang dan sektor-sektor yang dikenakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, aspek terakhir yang ingin saya sentuh ialah soal imbalan pembayaran. Kita sedar, peningkatan pesat dalam ekonomi akan meningkatkan perbelanjaan mengenai insurans dan tambang, pembawaan keluar keuntungan oleh pelaburan dan pembayaran terhadap perkhidmatan perunding dan kepakaran asing. Contohnya, kebimbangan kita ini jelas berdasarkan peningkatan yang pesat bayaran keluar negara untuk caj kerja-kerja kontrak dan profesional. Nilai tersebut telah meningkat daripada RM1.4 bilion pada tahun 1989 kepada RM2.2 bilion pada tahun 1990. Nilai tersebut terus meningkat kepada RM3.2 bilion pada tahun 1991. Dalam tempoh tiga tahun berkenaan, bayaran untuk perkara ini telah meningkat sebanyak tiga kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya

rasakan penting dalam menentukan kedudukan imbalan pembayaran negara pada masa-masa hadapan, iaitu di segi insurans. Untuk mengatasi masalah insurans dan tambang secara total adalah mustahil. Saya mencadangkan Kerajaan memikirkan untuk mencantumkan syarikat-syarikat insurans yang ada dalam negara ini supaya ia mampu menanggung sebahagian besar jumlah insurans dalam ekonomi supaya mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Dari segi pengangkutan, pengurangan perbelanjaan tambang pengangkutan boleh dilakukan dengan memperbanyakkan bilangan penggunaan kapal-kapal tempatan. Untuk mengetahui keupayaan perkapalan tempatan, adalah 10% sahaja. Tahniah atas langkah Kerajaan yang telah memperuntukkan RM800 juta untuk memperbanyakkan bilangan kapal di negara ini. Malangnya, peruntukan yang berkenaan seolah-olah tiada sambutan. Oleh itu, Kerajaan harus mengkaji kenapa peruntukan berkenaan yang bertujuan untuk mengembangkan industri perkapalan begitu lambat untuk dihabiskan. Jika perkara ini tidak diatasi, hasrat untuk memperbanyakkan bilangan kapal tempatan tidak akan tercapai.

Selain dari itu, pengguna kapal-kapal tempatan mesti dipertingkatkan, contohnya PETRONAS dalam kerja-kerja penggerudian luar pantai penggunaan kapal tempatan mestilah diwajibkan.

Dari segi aliran keluar keuntungan pelaburan. Mengenai pembawaan keluar keuntungan, Kerajaan haruslah mencipta tarikan dan insentif fiskal untuk menarik pelabur membuat pelaburan tambahan di negara ini daripada membawa keluar keuntungan mereka. Dari segi caj perkhidmatan pula, dewasa ini, terlalu banyak projek besar Kerajaan yang menggunakan kepakaran profesional daripada luar negara. Saya rasa, telah tiba masanya perkara ini dikurangkan. Kita tidak menafikan keperluan kepakaran

luar negeri, tetapi kita juga perlu sedar bahawa sekarang ini telah wujud kepakaran tempatan yang tinggi. Oleh itu, adalah disyorkan supaya semua perlantikan kerja-kerja profesional, sama ada bidang arkitek, kejuruteraan, perundingan dan lain-lain mestilah diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan.

Jika keperluan kepakaran luar diperlukan, firma tempatan boleh menguruskan pengambilannya. Saya percaya dengan cara ini sahajalah penglibatan tempatan dapat dipertingkatkan dalam sesuatu projek Kerajaan yang besar. Keadaan ini sudah semestinya tidak dapat dicapai jika tawaran terus diberikan kepada syarikat asing. Untuk memburukkan lagi suasana, terdapat keadaan tertentu di mana syarikat asing membawa tenaga profesional yang tidak berpengalaman yang terpaksa mendapatkan tunjuk ajar daripada pakar-pakar tempatan.

Dari segi eksport kepakaran, usaha untuk memperbaiki imbalan pembayaran ini boleh dilakukan dengan mengeksport kepakaran dan pendidikan menerusi perkembangan pesat industri pendidikan negara. Tahniyah kepada Kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia ini sebagai pusat pendidikan yang akan menjadikan tumpuan penuntut-penuntut asing pada masa-masa akan datang.

Selain daripada itu, pengeksportan kepakaran seperti dalam bidang arkitek dan kontraktor ke negara Selatan-Selatan dan lain-lain pasaran baru, contohnya negara Indo-China, akan membantu memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran pada masa-masa hadapan.

Dari segi kepentingan bumiputera dalam sektor perkhidmatan. Umumnya amat maklum bahawa apabila GATT mencapai persetujuan, sektor perkhidmatan negara akan dibuka. Memandangkan penglibatan bumiputera yang begitu berkurangan dalam sektor

ini, diharapkan Kerajaan melakukan pembukaan ini secara beransur-ansur. Langkah ini perlu untuk menjaga kepentingan bumiputera dalam sektor yang berkenaan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan perbincangan ini, saya mohon menyokong Belanjawan 1994 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh.

5.10 ptg.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh serta salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk bersama memberi sokongan serta membahaskan Belanjawan negara di Dewan yang mulia ini.

Pertamanya, saya bersyukur ke hadhrat Allah S. W. T. kerana saya dapat bersama mendengar laporan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan. Keduanya, saya merasa begitu bangga kerana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar dapat menyampaikan Belanjawan negara dengan begitu teratur dan jelas untuk membangunkan negara ke arah mencapai kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam apa jua yang kita perkatakan, saya merasa bahawasanya pembentukan sikap-sikap positif melalui amalan nilai-nilai murni di dalam Perkhidmatan Awam sejak dari dahulu hingga ke saat ini masih dapat dikekalkan. Penerapan nilai-nilai murni di dalam Perkhidmatan Awam ini adalah usaha bagi membentuk sikap ke arah mewujudkan peraturan-peraturan dan jaga disiplin di dalam pentadbiran awam-



Tujuan pembentukan sikap serta amalan nilai-nilai murni ini ialah bagi meningkatkan prestasi yang mulia lagi berakhlak tinggi. Amalan nilai-nilai yang baik oleh individu mengikut lunas-lunas yang diperlukan akan membawa kepada pembentukan suatu budaya kerja yang baik kepada kumpulan, organisasi dan seterusnya kepada seluruh perkhidmatan.

Oleh yang demikian, pembentukan budaya kerja organisasi sebenarnya merupakan usaha untuk membentuk nilai-nilai bersama sebagai "superordinate goal" dengan izin. Nilai ini akan menjadi suatu panduan yang perlu dihayati oleh semua lapisan sebagai pegangan untuk kejayaan dan pencapaian objektif organisasi keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kejayaan penerapan nilai-nilai murni telah menampakkan hasil di dalam perkhidmatan awam, namun masih banyak lagi ruang yang patut diberikan perhatian. Tumpuan harus diberikan oleh pelbagai bidang, di antaranya termasuklah;

- (i) pengurusan dan peningkatan kualiti dalam produktiviti;
- (ii) pembaharuan pentadbiran di peringkat Kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan.
- (iii) perlaksanaan konsep per-syarikatan Malaysia;
- (iv) usaha-usaha ke arah mem-permudahkan prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan, kajian sistem perlesenan dan permit ber-hubung dengan pelaburan dan perniagaan;
- (v) kepimpinan membuat ke-putusan dan pengurusan organisasi;
- (vi) penerapan nilai-nilai dan sikap yang positif di dalam perkhidmatan awam.

- (vii) peningkatan perkhidmatan kaunter di jabatan-jabatan Kerajaan;
- (viii) peningkatan sistem dan prosedur kerjaserta penggunaan peralatan moden;
- (ix) meningkatkan penggunaan komputer dan teknologi maklumat;
- (x) sistem perancangan dan pelaksanaan projek secara berkesan.
- (xi) pengurusan personel.
- (xii) meningkatkan accountability, dengan izin, dan pengurusan kewangan; dan
- (xiii) perundingan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam dan agensi-agensi Pusat yang lain perlu juga memikirkan strategi perlaksanaan yang secara berkesan. Kita tidak mahu nilai-nilai mulia didalam pembaharuan pentadbiran awam dilaksanakan semata-mata untuk menghabiskan peruntukan tahunan sahaja. Justeru itu, penilaian harus dilakukan bagi melihat keberkesanannya secara menyeluruh. Penerapan nilai-nilai mulia juga mestilah dilakukan sejak dari kecil lagi. Di sinilah pentingnya penyatuan tenaga dan pemikiran seluruh agensi Kerajaan bertindak secara bersepadu. Kita tidak mahu penerapan nilai-nilai mulia dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri sahaja. Nilai-nilai murni mestilah dihayati oleh semua golongan masyarakat. Justeru itu, kegiatan-kegiatan penerapan dan penyebaran nilai-nilai murni hendaklah dilakukan secara tersusun sesuai dengan kehendak dan suasana sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Jabatan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah berkesempatan memberi penerangan kepada kami secara sepintas lalu pada 16hb Disember, 1991.

Sehubungan dengan itu saya amat tertarik dengan penerangan serta tayangan video yang telah ditunjukkan kepada kami. Maka dengan itu, saya ingin menyarankan beberapa perkara yang saya rasa amat wajar untuk dibawa di dalam Dewan yang mulia ini sebagai satu pandangan atau cadangan yang perlu Kerajaan memberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran ekonomi amat bergantung kepada penggunaan teknologi yang paling tumpat tenaga dan yang paling maju. Pertanyaan ini sememangnya benar dan perlu diambil perhatian yang serius kerana hanya tekriologi sedemikian sahaja dapat meningkatkan produktiviti ekonomi secara menyeluruh lantas memangkinkan pertumbuhan teknologi. Semua ini dapat dilakukan kerana kebolehan teknologi tumpat tenaga merendahkan kos tenaga buruh, masa dan produktiviti melalui kecekapan pengurusan aktiviti.

Satu daripada teknologi tumpat tenaga yang ada sekarang ialah teknologi nuklear. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, bentuk tenaga yang universal ialah tenaga elektrik. Tenaga jenis ini dapat dijana dengan berbagai-bagai cara seperti pembakaran arang batu, (geo-thermal) hidro dan nuklear. Setiap satu mempunyai kebaikan dan keburukannya. Tetapi di dalam kesemua teknologi ini, Tuan Yang di-Pertua, teknologi nuklearlah yang mampu menjana tenaga elektrik dengan tahap efisien yang tinggi lagi tidak mencemarkan—iaitu bersih.

Bagi teknologi nuklear, jumlah tenaga yang dijana per unit penggunaan tanah dan buruh per jam manusia tidak dapat ditandingi oleh mana-mana teknologi pun. Ini termasuk arang batu yang memerlukan sumber yang banyak untuk dilombong. Walaupun amat baik, dunia masih lagi takut untuk melaksanakan teknologi nuklear kerana bahaya pencemarannya.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi nuklear memanglah tidak dapat dielakkan lagi. Walau bagaimanapun, oleh sebab potensi dan kuasanya yang menggerunkan, ia senang disalahgunakan. Oleh itu, pelaksanaannya perlulah mempunyai kawalan, perancangan dan kesedaran yang menyeluruh. Perundangan dan etika pengguna harus dititikberatkan bagi menjamin sumber tenaga yang amat berguna ini akan terus diterima sebaik dan seberapa lama mungkin. Walau apa pun yang diperkatakan tentang tenaga nuklear, ia buat masa ini masih jauh lebih efisien dan berkemampuan dibanding dengan sumber-sumber tenaga lain yang sudah semulajadi ditetapkan tidak efisien dan tidak berkekalan. Hanya sumber nuklearlah harapan kita untuk terus berkemampuan menampung masyarakat industri ke abad 21.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menuju cita-cita mencapai matlamat Wawasan 2020, kita sebenarnya masih berdepan dengan banyak perkara yang menjadi cabaran dan ujian yang begitu getir kepada masyarakat'negara ini. Tempoh 27 tahun dari sekarang bukanlah suatu jangka masa yang begitu panjang sekiranya kita mengamati perjalanan waktu, abad ke 21 iaitu menjelang tamatnya/tahun 2000 hanya tinggal 7 tahun sahaja lagi dari sekarang. Justeru itu, keadaan ini mengajak kita berfikir apakah Wawasan 2020 berupaya atau boleh menjadi suatu kenyataan sekiranya pada peringkat ini kita masih terumbang-ambing membincangkan apakah bentuk pengisian perjuangan kita untuk mencapai wawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan yang sebegini saya ingin menyarankan supaya kita memikirkan bersama tindakan-tindakan yang seperti berikut yang perlu dilaksanakan:

- (i) meningkatkan lagi nilai ditambah atau value added, dengan izin, barangan yang

- dihasilkan atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat;
- (ii) mempertingkatkan amalan sikap yang positif dan memperbaiki sikap-sikap yang tidak menyumbang terhadap faedah bersama atau faedah kepada negara;
  - (iii) sentiasa prihatin dan peka terhadap isu-isu yang berlaku di peringkat antarabangsa, khususnya melatih MIDA supaya berfikiran global atau sejagat sesuai dengan era "economic and political globalisation", dengan izin, yang akan berlaku dalam abad ke-21; dan
  - (iv) menggerakkan sistem hidup harian supaya berasaskan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan penggunaan komputer ke arah mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan bersandarkan kepada pengkalan data.

Faktor-faktor di atas itu begitu praktikal dan penting oleh kerana perkembangan-perkembangan yang berlaku pada masa sekarang ini begitu dinamik dan pantas sehingga kita tidak boleh terlari walau pun sesaat. Sekiranya kita terlalai dalam masa satu saat, risikonya kita mungkin mengambil masa bertahun-tahun untuk mengejarkannya semula.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus belajar dari sejarah bagaimana negara-negara Barat yang terlalu tasauf dan angkuh dengan permodenan yang mereka cipta akhirnya ketinggalan disebabkan mereka lalai mengekalkan daya-saing dan kecemerlangan mereka. Akhirnya sehingga sekarang ini, negara-negara Barat masih mencari-cari jawapan sebenar mengapa negara Jepun dan beberapa kuasa baru ekonomi di Asia Timur masih terus maju dan mengekalkan kuasa ekonomi masing-masing sehingga ke tahap ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi sebuah negara maju, kita perlu membangunkan industri dan menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian di dalam acuan Malaysia sendiri dan bukan meniru negara lain. Proses industrialisasi di negara ini haruslah dijalankan secara seimbang tanpa menjejaskan hubungan harmoni manusia dengan alam sekitar serta hubungan ekologi atau sumber alam dengan sumber ekonomi.

Di dalam menggerakkan proses industri negara ini, kita memerlukan dan bergantung kepada iklim menggalakkan pertumbuhan ekonomi, suasana pelaburan, kemudahan infrastruktur serta kestabilan politik dan kewangan negara yang mampan. Kerjasama yang erat di antara semua lapisan masyarakat dan industri, pihak Kerajaan dan swasta serta di antara pemimpin, rakyat dan pelabur adalah di antara nilai-nilai yang paling penting dan menjadi sebahagian daripada prasyarat untuk mempertingkatkan pertumbuhan industri negara. Kerajaan boleh menyediakan iklim persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan perniagaan. Kerajaan juga boleh menyediakan kemudahan infrastruktur dan pembayaran kredit bagi menggerakkan janakuasa ekonomi lebih pantas dan dinamik.

Namun begitu, apa yang diharapkan oleh Kerajaan adalah usaha-usaha ini turut disokong atau diperlengkapkan sama oleh usahawan-usahawan dari sektor swasta, khususnya melalui pensyarikatan Malaysia. Tenaga sektor swasta dan sektor awam ini perlu digemblengkan dari perspektif baru yang kita terpaksa berdepan dengan cabaran-cabaran atau "the new realities", dengan izin, yang akan menguji kekuatan kita dalam negara kita memasuki abad ke-21.

Di dalam kita memasuki "the new realities of the 21st century", dengan izin, kejayaan pembangunan sesebuah negara akan bergantung sebahagian besarnya kepada kekuatan daya-saing dan kekuatan sektor penyelidikan dan

pembangunan negara berkenaan. Di peringkat organisasi, usahawan-usahawan sebuah negara membangun seperti Malaysia akan berdepan dengan dua cabaran yang besar iaitu:

- (i) Keadaan pasaran dan kemahuan pelanggan yang bukan sahaja sentiasa berubah dengan cepat dan pesat tetapi juga dipengaruhi oleh "political brotherhood" dan "regional arrangement", dengan izin.
- (ii) Keadaan persaingan yang kompetitif, terutamanya di pasaran luar negara di mana standard-standard seperti ISO 9000 perlu dipenuhi sebelum barangan atau perkhidmatan dibenarkan memasuki pasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, 'political brotherhood' bermaknahubungan politik antara negara bukan lagi berpandukan kepada garisan sempadan sebagai penghubung tetapi berpandukan kepada keserasian amalan sistem politik antara negara, semata-mata bagi memenuhi kepentingan-kepentingan peribadi negara berkenaan. Misalnya, siapakah yang menyangka Amerika Syarikat hari ini memiliki hubungan 'political brotherhood', dengan izin, yang begitu intim dengan negara-negara Arab sedangkan kedua-duanya mengamalkan ideologi yang berbeza dan sistem bermasyarakat yang jauh bezanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perkembangan media massa pada ketika ini. Arus popular yang didukung oleh media massa di Malaysia lebih bersifat hiburan daripada pemikiran tinggi. Arus ini pula sangat digemari oleh remaja dan belia iaitu peratus penduduk Malaysia yang paling tinggi, kira-kira 67% daripada jumlah lebih 18 juta penduduk. Usaha-usaha untuk memperkenalkan arus alternatif yang lebih produktif kepada pemikiran tinggi yang

menghadapi kesukaran yang amat sangat lalu mencambahkan lagi kecenderungan aliran popular ini.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, lama lagikah?

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Sedikit lagi.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Berapa minit?

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** 10 minit.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Lama sangat. 5 minit sahajalah!

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Ya?

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** 5 minit sahajalah.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Tidak sampailah.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Baiklah, 10 minitlah! (*Ketawa*)

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, begitulah sayangnya Tuan Yang di-Pertua kepada orang perempuan. Sayangnya, hiburan murah dan selekeh yang digelar sebagai budaya popular, popular komersial tidak termasuk dalam kategori hiburan yang mampu mengangkat martabat insan. Hiburan murahan ini lebih berupaya merangsang emosi, nafsu dan sensasi anak-anak muda dengan mesej dan alunan muzik yang kosong dan gersang. Ia seumpama suntikan khayalan yang panjang, lama, halus dan amat perlahan. Kesannya hampir tidak disedari langsung. Oleh itu, ramai manusia akan berhujah semula apabila saya nyatakan hiburan hari ini tidak mendatangkan apa-apa manfaat.

Dengan itu, menurut pandangan saya, kita perlu mengambil tindakan yang wajar bagi mengawalkan kemasukan artis luar. Pada masa yang sama, Kementerian Penerangan wajar mengenakan disiplin dan peraturan khas kepada semua artis tempatan supaya mematuhi nilai-nilai masyarakat tempatan. Sementara itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan perlu mempergiatkan semula kegiatan-kegiatan keilmuan. Pada masa kini, Kementerian tersebut lebih cenderung ke arah kesenian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua minta memendekkan ucapan saya, maka dengan ini saya yakin jika beberapa syor yang dikemukakan di atas dapat diberikan perhatian khusus oleh pihak yang berkenaan akan dapat mengatasi beberapa masalah yang wujud di dalam masyarakat kita.

Maka dengan ini, saya menyokong Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

*5.28ptg.*

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit-sebanyak menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1994—jumlahnya sebanyak RM22.7 bilion yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri kita merangkap Menteri Kewangan.

Seperti tahun-tahun yang lepas, Kerajaan Barisan Nasional memberi perhatian yang serius dalam menentukan

perbelanjaan-perbelanjaan wang negara dipergunakan dengan cara sempurna dan memuaskan. Nampaknya Belanjawan 1994 lebih mantap lagi aturcara dan tidak perlulah saya huraikan satu per satu budget yang dibekalkan untuk Kementerian-kementerian serta Jabatan-jabatan yang berkaitan.

Perlu disebutkan di sini bahawa rakyat patutlah mengambil peluang di mana-mana sahaja ada peluangnya. Dengan demikian, rakyat dari semua kaum dan jurusan terpaksa peka dengan rancangan-rancangan Kerajaan supaya tidak ketinggalan zaman. Program ini digaris rapi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan lain-lain pemimpin sebagai rancangan menuju Wawasan 2020.

Orang Melayu khususnya, mesti berani untuk mengambil tindakan-tindakan yang positif bagi merebut peluang yang ada. Sampai masanya semua rakyat negara ini menyokong Barisan Nasional yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan kumpulan-kumpulannya yang berkaitan. Mereka semuanya merupakan nadi kejayaan Malaysia. Marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurniaNya yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, damai serta makmur.

Tentang pembasmian kemiskinan, reaksi Kerajaan telah membawa kejayaan. Kerajaan memberi peruntukan yang banyak kepada rakyat yang miskin. Mudah-mudahan harapan Kerajaan dan harapan rakyat untuk mengurangkan kemiskinan akan tercapai dalam masa yang singkat. Dengan peruntukan dari Kementerian-kementerian dan lain-lain agensi yang berkaitan dengan perkara ini, perlulah menyegerakan program-programnya supaya mereka yang daif dan serba kekurangan itu dapat pembelaannya. Dengan ini ternyata bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-

benar ikhlas dalam menjalankan tugasnya, di samping meninggikan lagi syiar Islam. Pihak Pembangkang mesti akan tunduk kepada Kerajaan Barisan Nasional yang berwawasan ini.

Dalam segi ekonomi negara, dengan cara yang lebih universal, Kerajaan telah merancangkan aneka cara yang membuka peluang-peluang kepada ahli-ahli korporat serta usahawan-usahawan bagi menimba peluang-peluang di negara ini sehingga munculnya beberapa syarikat besar, iaitu 'public companies' yang menjalankan bermacam-macam jenis perniagaan yang membawa hasil yang besar kepada negara. Usaha sama dengan syarikat-syarikat luar negeri juga telah pun muncul dengan hebatnya. Pelabur-pelabur asing sudah ramai datang ke negara kita untuk melabur dan berniaga di sini. Rancangan penswastan berjalan dengan baik dan sempurna. Semuanya ini merangkumi sejumlah hasil yang besar yang menguntungkan negara sehingga Malaysia dikenali sebagai salah satu negara yang makmur. Dalam keadaan kemajuan seperti ini, saya berharap pihak Kerajaan tidak lupa khususnya kepada usahawan-usahawan bumiputera yang telah ditimpa bencana kerana kemelesetan ekonomi dalam tahun-tahun 80-an supaya dipulihkan kembali dan perlulah mereka juga bersungguh-sungguh untuk mencari peluang-peluang supaya nasib mereka dapat dibela melalui segala rancangan-rancangan yang ada kini bagi mengimbuhkan segala kerosakan imej dan ekonomi mereka yang telah musnah akibat daripada kemelesetan ekonomi tersebut.

Tentang nelayan-nelayan, pekebun-pekebun kecil dan peniaga-peniaga kecil di peringkat luar bandar perlulah diberi layanan yang baik dan mereka pasti tidak ketinggalan dari arus perkembangan ekonomi pesat yang ada sekarang ini. Kita berharap sekalian rakyat tidak terpengaruh oleh gejala-gejala yang tidak sihat yang dipelopori oleh parti Pembangkang sehingga tidak sedar kepada

peluang-peluang yang ditaja oleh Kerajaan dan leka dengan cakap-cakap kosong dan fitnah yang ditaburkan kepada pihak Kerajaan.

Untuk persediaan yang positif, maka diharapkan Wakil-wakil Rakyat dari Barisan Nasional betul-betul ikhlas menjalankan tugas-tugasnya dengan sebaik-baik mungkin. Dan diharap juga Menteri-menteri yang berkaitan menyemak segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Wakil-wakil Rakyat yang berkaitan.

Dalam peruntukan-peruntukan kepada negeri-negeri di negara Malaysia adalah mengkagumkan dan diharapkan negeri Kelantan dan Sabah yang berada di bawah kuasa parti Pembangkang perlulah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat di dalam mentadbirkan rancangan-rancangan negeri masing-masing. Seperti yang berlaku di Kelantan sekarang yang saya tahu bahawa pembangunan negeri itu serba-serbinya mundur dan ini amatlah penting bagi rakyat negeri Kelantan memikir dan menyedari serta menyemak kembali kedudukan mereka pada masa-masa yang lalu di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Apabila mereka sedar, segala-galanya sudah tentulah mereka berkehendakkan perubahan segera. Yang dikehendaki sekarang ialah rakyat perlulah pilih Parti Barisan Nasional untuk memerintah negeri itu kembali dalam pilihan raya yang akan datang ini.

Dalam keghairahan perkembangan ekonomi sekarang ini perlulah diingatkan supaya pemimpin-pemimpin negara kita tidak hilang pedoman. Sedarlah diri dan terus bersatu, bermuafakat serta dengan penuh keyakinan di bawah teraju Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim serta Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen yang berwibawa dan benar-benar bertanggungjawab. Insya Allah, dengan semangat yang kental, negara kita akan maju dari satu langkah ke satu langkah

yang lain seterusnya. Diharap agar sentiasa membawa kenangan manis dan sentiasa maju dan berkat.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan serta Timbalannya dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, pegawai-pegawai yang berkaitan kerana penyediaan Budget dengan begitu sempurna.

Seterusnya, saya sokong Belanjawan 1994. Wassalammu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Puan Kalthom.

5.35 ptg.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Assalammu'alaikum warahmatullahi Ta'ala wabarakatuh. Pertama sekali saya mengucapkan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan limpah rahmatNya, kita sama-sama berkesempatan mendengar pembentangan Belanjawan Negara 1994 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan di hari semalam. Sehubungan dengan ini, saya mengucapkan sebanyak ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bersama-sama membahas Belanjawan Negara 1994.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya melihat pembentangan Belanjawan Negara 1994 bukan dalam bentuk 'ya' sahaja, tetapi mesti melihat dalam bentuk yang lebih membina lagi. Setelah Belanjawan Negara 1994 dibentangkan pelbagai perspektif dilihat oleh pelbagai golongan masyarakat di Malaysia ini. Saya melihat Belanjawan tersebut dalam kaca mata Islam-kebenaran, keadilan dan kesejahteraan. Islam adalah agama perubahan; perubahan daripada yang kurang baik kepada yang lebih baik, daripada yang tidak Islamic kepada yang lebih Islamic,

daripada yang tidak adil kepada yang lebih adil, begitulah halnya kepada Belanjawan Negara 1994 ini.

Belanjawan ini tidak ada perbezaan ketara dengan Belanjawan 1993. Ianya merupakan suatu Belanjawan 'routine' sahaja. Sepatutnya Belanjawan Negara 1994 ini meletakkan Islam sebagai kayu pengimbangan di antara halal dengan yang haram. Kerajaan hendaklah menghapuskan terus punca-punca haram yang diperolehi melalui cukai itu. Kerajaan tidak pernah berminat untuk mengharamkan penialan Toto, Loteri dan sebagainya bentuk industri judi. Kerajaan juga tidak pernah mengatakan mahu menutup pusat-pusat judi di Genting Highlands yang sedia ada dan kini menjadi pusat perjudian yang terbesar di Asia Tenggara. Cuma yang kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melarang diwujudkan pusat perjudian yang baru, tetapi kenapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memerintah supaya pusat-pusat perjudian yang sedia ada di negara kita ini ditutup?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan Negara 1994 ini Kerajaan juga tidak menampakkan unsur-unsur mahu mengkaji bilangan kilang-kilang dan lesen-lesen arak yang terdapat di negara kita. Sepatutnya langkah dan peraturan yang dibuat oleh Kerajaan Kelantan itu juga diambil kira, kerana ianya merupakan suatu tindakan yang baik dan meninggikan lagi imej negara ini sesuai dengan negara kita meletakkan agama Islam sebagai Agama Rasmi di Persekutuan....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, ada pertanyaan. Boleh?

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Sila.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Baik, sila.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Puan Kalthom mengenai pengharaman penjualan arak di seluruh negara oleh Kerajaan Persekutuan. Apakah Kerajaan Kelantan telah pun mengharamkan pengeluaran lesen-lesen premis di Majlis Perbandaran Kota Bharu mengenai penjualan arak di negeri tersebut?

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Di dalam Belanjawan ini juga, kita dapati strategi percukaian yang akan diguna-pakai oleh Kerajaan nanti, merupakan satu kaedah yang akan menguntungkan golongan korporat. Mengurangkan cukai yang dibuat itu banyak melibatkan sektor perindustrian, cuma bagi pembayar cukai yang berpendapatan RM 1,270 sebulan sahaja yang akan menikmati pelepasan cukai. Sepatutnya Kerajaan sedar bahawa pelepasan itu bukanlah bermakna ianya merupakan sesuatu pembelaan langsung kepada golongan berpendapatan rendah. Tambahan pula, program pembelaan kepada rakyat termiskin itu merupakan suatu program longgar dan tidak sampai kepada sasaran sebenar.

Sehingga kini, skim khas ASB yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad bersama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan.....

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Zaleha minta penjelasan tentang masalah perjudian di Kelantan. Tolong jawab itu dulu.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Ya, telah pun diharamkan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ya, Yang Berhormat, ada yang mohon penjelasan lagi. Boleh? Yang Berhormat minta penjelasankah?

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Ya. Saya mohon penjelasan.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Boleh, Yang Berhormat Kalthom?

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Sudah tidak ada masalah lagi saya rasa. Bila "ya" itu, habislah. Haram atau tidak haram, saya kata haram, habis cerita.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Beri laluan atau tidak?

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Saya mohon penjelasan.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Tidak!

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tidak beri laluan, minta maaf.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Sedikit sahaja.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Saya tidak beri, minta maaf.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Dia sudah tidak beri. (*Ketawa*) Hendak buat macam mana? Silakan.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Sehingga kini Skim Khas ASB yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad bersama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan merupakan program pembelaan ke atas orang-orang khususnya orang-orang UMNO. Dan bukan sebenarnya kepada golongan fakir miskin. Kalaulah begini realiti yang berlaku, eloklah ASB ditukarkan kepada ASU.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)



**Tuan Haji Jamaludin bin Haji**

**Ahmad:** Yang Berhormat Datuk Nazri minta penjelasan. Saya rasa dia beri. Mohon penjelasan boleh. Bolehkah Yang Berhormat?

**Puan Kalthom bin Haji Othman:**

Insyallah.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji**

**Ahmad:** Insyallah, silakan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin**

**Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah saya ingin bertanya, apakah kenyataan yang dibuat bahawa Skim Khas Amanah Saham Bumiputera yang diberikan kepada rakyat Melayu bumiputera Kelantan, apakah Yang Berhormat ada asas-asas yang menunjukkan bahawa yang dapat itu semua penyokong UMNO sahaja? Sebab, kalau tuduhan yang liar seperti ini bukanlah satu tuduhan yang baik yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, begitulah yang berlaku di kampung-kampung. Saya yakin Yang Berhormat-Yang Berhormat atau Senator di Dewan ini memang baik. Tetapi apa yang berlaku di kampung, "anak-anak tangannya". Sehingga apa yang saya tidak sebut, subsidi baja pun tidak berlaku dengan begitu adil khususnya, jika orang Semangat 46 dan PAS tidak diberi baja. Ini memang berlaku kepada keluarga saya sendiri.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**

(Bangun)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji**

**Ahmad:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**

Maka begitulah berlaku kepada Skim ASB ini. Saya tidak memberi peluang penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**

Sedikit sahaja.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji**

**Ahmad:** Tidak, sayalah yang beri peluang. Sekejap, saya hendak dengar ini dulu, apa permintaan permohonannya. Saya tahu Yang Berhormat tidak beri tetapi saya hendak dengar apa permohonannya.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**

Tetapi saya tidak mahu memberi jawapan.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji**

**Ahmad:** Ya, sila, tidak mengapa. Yang Berhormat, sila.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana laluan ini diberi oleh Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, walaupun tidak mahu diberi jawapan tetapi saya ingin memohon penjelasan mungkin dia sudah menjawab di dalam hatinya, walaupun dia tidak akan jawab secara terang kerana dia sudah mendapat arahan dari pihak partinya sendiri. Yang sebenarnya, saya masih tidak berpuas hati dengan kenyataan "sudahpun mengharamkan arak di negeri Kelantan". Sebenarnya, penjualan arak masih berleluasa di negeri Kelantan. Di mana-mana restoran dan premis masih kedapatan penjualan-penjualan arak serta ada keizinan daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**

Diakah yang bercakap ataupun saya?

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**

Tidak, saya hendak minta penjelasan sebab penjelasan tadi tidak betul dan salah.....

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji**

**Ahmad:** Saya sudah minta tadi penjelasan. Saya izinkan. Sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya beri dia bercakap.

**Puan Hajah Zaleha binti**

**Hussin:.....**dengan apa yang berlaku di negeri Kelantan sendiri.

Yang kedua, saya mohon penjelasan mengenai ASB dan ASU, suatu perkataan menyindir, yang tidak bersyukur dengan apa yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada rakyat Kelantan oleh Kerajaan PAS sendiri. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan PAS menerusi wakilnya dalam Dewan yang mulia ini, apakah beliau boleh menunjukkan bukti yang nyata dan jelas bahawa ASB yang diberikan di negeri Kelantan itu adalah hanya kepada orang UMNO sahaja? Kerana, setahu saya, ASB ini bukan didaftarkan oleh UMNO tetapi didaftarkan oleh agensi-agensi Kerajaan di bawah PPRT iaitu di bawah pembasmian kemiskinan yang ada diwujudkan di negeri Kelantan itu sendiri.

Saya mohon penjelasan daripada wakil PAS yang ada dalam Dewan ini, kalau hendak bercakap biarlah mempunyai suatu alasan-alasan konkrit yang boleh diterima dengan sebenarnya.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ya, duduk! Sila, sambung.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan jumlah wang RM700 juta yang kononnya disalurkan kepada golongan fakir miskin, melalui Skim ASB merupakan satu penyelewengan yang telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan. Wang yang begitu banyak sebenarnya disalurkan kepada orang-orang yang tertentu dan dijadikan juga sebagai umpan untuk menambahkan penyokong-penyokongnya. Sepatutnya, dalam persoalan ini, pihak Kerajaan hendaklah memperkeraaskinikan sistem pentadbirannya agar wang dan kebodohan rakyat itu tidak dijadikan alat demi kepentingan politiknya dalam usaha Kerajaan melaksanakan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Perlulah dilihat majoriti rakyat yang berpendapatan rendah adalah terdiri dari kalangan petani, nelayan, buruh dan penduduk di kawasan pedalaman. Menyedari kedudukan ini, Kerajaan hendaklah menyediakan satu strategi yang benar-benar berkesan. Strategi tersebut

hendaklah dilihat dari sudut keperluan-keperluan asas seperti rumah, bekalan elektrik, pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan seurapamanya.

Di samping itu, Kerajaan juga hendaklah membina mutu pendapatan hidup mereka melalui sektor-sektor yang diceburinya. Kita tidak mahu cara pelaksanaan pembangunan rakyat termiskin semata-mata bergantung hidup kepada bantuan Kerajaan. Kerajaan hendaklah mengadakan program Jayadiri terhadap mereka ini, melalui kursus dan latihan kemahiran. Tetapi sehingga kini, kita melihat seolah-olah Kerajaan sengaja membiarkan rakyat terus bergantung hidup ke atas sumbangan Kerajaan. Kita tidak mahu dalam kesempatan ini ada pihak tertentu cuba mengambil kesempatan untuk menjadikan bantuan sedemikian sebagai senjata politik. Apabila peluang sedemikian dipergunakan, gejala diskriminasi akan timbul. Ianya mengakibatkan ketidakadilan akan berlaku. Mereka yang sebulu dengan parti pemerintah sahaja yang akan menerima bantuan PPRT daripada Kerajaan. Pada ketika ini persoalan kemiskinan tidak diperhitungkan. Apa yang diutamakan ialah soal anutan politik semata-mata.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, Datuk Nazri inginkan penjelasan.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Saya rasa saya tidak berilah. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Dia tidak beri Yang Berhormat Datuk Nazri. Sila duduk. (*Ketawa*) Dia tidak beri.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengisytiharkan kadar kemiskinan di Malaysia berada pada tahap 14% ataupun

pada tahap yang rendah dan pertumbuhan ekonomi negara dijangka meningkat kepada kadar 8.2%. Petunjuk ini menggambarkan seolah-olah kemiskinan yang berlaku di kalangan rakyat dapat dibasmi dan dibendung. Walaupun begitu, perlu diingat bahawa petunjuk kadar kemiskinan yang telah digambarkan oleh Kerajaan berdasarkan kepada nilai pendapatan rakyat dalam bentuk yang statik.

Kerajaan Malaysia masih menakrifkan garis kemiskinan rakyat ialah pada kedudukan pendapatan purata seisi-rumah sebanyak RM384 sebulan. Apabila dilihat agihan pendapatan rakyat secara relatif, kita dapati ke arah kemiskinan sebenar yang digambarkan oleh Kerajaan itu merupakan kadar kemiskinan statistik. Sebab itulah sehingga sekarang Kerajaan tidak berani mengemukakan maklumat terperinci mengenai agihan pendapatan dan kekayaan kerana ditakuti orang ramai akan mendapat gambaran yang lebih lengkap mengenai jurang agihan kekayaan dan kemiskinan.

Dalam suasana hari ini, kita masih mendapati jurang pendapatan yang begitu ketara antara golongan miskin dengan golongan kaya. Sebab itulah di negara kita hari ini didapati orang kaya terlalu kaya dan orang miskin terlalu miskin. Ianya juga merupakan kesan daripada tekanan ekonomi kapitalis yang diamalkan oleh Kerajaan, tambahan pula penguasaan saham bumiputera di negara kita jauh lebih rendah juga dibandingkan dengan pemilikan saham oleh pemastautin lain.

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini dalam usaha Kerajaan mahukan pengagihan peruntukan pembangunan negeri lebih saksama, kita dapati pada tahun 1993 Kerajaan Negeri Kelantan masih lagi belum menerima wang sebanyak RM70 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan hanya mengeluarkan RM20 juta sahaja kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Wang peruntukan sebanyak RM90 juta, semua

ini merupakan hak yang perlu dibayar oleh Kerajaan Pusat yang berasaskan kepada Perlembagaan dan Majlis Kewangan Negara.

Pada 6hb Disember yang lalu, Yang Berhormat Dato' Haji Annuar bin Musa menyatakan kesediaannya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Usaha yang hendak dilakukan ini saya amat menyokong sekali dan mengucapkan ribuan terima kasih. Cuma sukalah saya ingatkan jangannya langkah yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Haji Annuar bin Musa ini hanya mainan politik seperti kata pepatah 'Keluar daripada mulut harimau, masuk ke mulut buaya'.

Pengalaman pemberian geran keseimbangan untuk Majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Daerah di Kelantan oleh Kerajaan Persekutuan .....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin;**  
(Bangun)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat.....

**Puan Hajah Kalthom binti Haji Othman:...** tidaklah diulangi lagi oleh Yang Berhormat Dato' Haji Annuar bin Musa.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**  
(Bangun)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Puan Hajah Kalthom, ada yang minta penjelasan. Boleh beri sebab sudah dua kali diminta?

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**  
Tidak beri.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Dua kali minta tidak beri juga?  
(Ketawa)

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**  
Tidak beri. (Ketawa)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tidak beri, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan usaha Yang Berhormat untuk berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang baru ini, merupakan usaha yang benar-benar ikhlas dan tambahan pula beliau sendiri merupakan anak Kelantan. Dalam masalah ini saya meminta Menteri Kewangan dapat melepaskan meluluskan wang sebanyak RM70 juta kepada Kerajaan Negeri Kelantan demi untuk pembangunan negeri Kelantan.

Kita dapati negeri-negeri lain sudah pun menerima wang sedemikian daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, perairan negeri Kelantan-Thailand merupakan kawasan yang sudah dikenalpasti terdapatnya petroleum. Usaha carigali petroleum di kawasan ini telah pun dibuat persetujuan bersama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand.

Baru-baru ini, satu perjanjian antara Kuala Lumpur dengan Bangkok telah dimeterai bersama. Dalam hal ini negeri Kelantan merupakan destinasi proses petroleum bagi Malaysia dan Wilayah Selatan Thai merupakan destinasi kepada Thailand. Kita mengharapkan Kerajaan Persekutuan mempercepatkan lagi usaha mengeluarkan petroleum ini. Program pengeluaran petroleum ini sudah lama dibincang, cuma menunggu masa dan ketika sahaja, bila masanya untuk dilaksanakan.

Kita difahamkan sepatutnya pengeluaran petroleum daripada perairan Kelantan-Thailand ini telah dapat dibuat. Tetapi kelambatan ini berlaku kononnya ada pihak-pihak tertentu tidak mahu melihat dengan berhasilnya pengeluaran petroleum ini di negeri Kelantan akan diperolehi. Tambahan pula, ada usaha-usaha untuk mengeluarkan paip petroleum ini daripada perairan Kelantan-Thailand ke Songkhla dan terus ke utara Malaysia,

bukan daripada perairan Kelantan-Thailand, ke Takbai dan terus ke Tumpat, Kelantan. Jika sekiranya usaha ini berjalan ianya merupakan satu usaha yang tidak sihat dan kononnya cuba menafikan petroleum yang tersebut bukan hak negeri Kelantan. Melalui cara ini kemungkinan royalti yang sepatutnya diperolehi di negeri Kelantan tidak akan diperolehi. Dalam persoalan ini, saya mengharapakan Kerajaan Malaysia tidak menafikan hak-hak Kerajaan Negeri Kelantan ke atas pengeluaran minyak kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu saya penuh yakin dan percaya Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed tidak 'sejahat' apa yang difahamkan. Tambahan pula, Timbalan Perdana Menteri kita yang baru ini merupakan seorang bekas pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia, masakan berlaku lagi perkara-perkara yang bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan, yang akan menimbulkan sangkaan buruk terhadap pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat.

Melalui pengeluaran minyak di kawasan perairan tersebut, pembangunan negeri Kelantan dan kawasan Pantai Timur akan jadi agresif lagi.....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:** Tidak beri. (*Ketawa*)

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Sudah tiga kali tidak beri.

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:** Perubahan ini selaras dengan kehendak Kerajaan yang.....

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat.....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**  
Sedikit sahaja.

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**.....mahukan galakan untuk industri koridor Pantai Timur.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**  
Ya!

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ada yang minta penjelasan boleh?

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**  
Tidak boleh! (*Ketawa*) Akan lebih bersemangat lagi dalam usaha Kerajaan membuat galakan pelaburan ke koridor Pantai Timur.

Saya dengan penuh ikhlas mengucapkan tahniah ke atas usaha yang baik itu. Usaha ini diharapkan tidak mengira soal perbezaan fahaman politik, yang berlaku di antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan. Selama ini memang kita sedar Kerajaan Persekutuan banyak memberi kerjasama dan bantuan kepada Kerajaan Kelantan, cuma ada segelintir manusia yang 'bangkrap' politik sahajalah di Kelantan yang cuba menghalang bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**  
(*Bangun*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha minta penjelasan, saya ingat yang ini bolehlah, sebab sudah 4 kali minta.

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**  
Tidak bolehlah! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tidak beri, Yang Berhormat?

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**  
Tidak beri.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Kalau tidak beri, sila teruskan!

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**  
Relaxlah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sejak 36 tahun Malaysia merdeka, undang-undang yang digunapakai di Malaysia hari ini adalah undang-undang peninggalan penjajah, bukan setakat undang-undang, tetapi Perlembagaan Persekutuan masih merupakan Perlembagaan yang direstui oleh penjajah. Undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan ini dari semasa ke semasa raengalami proses pindaan. Pindaan yang dibuat semata-mata ke arah kemantapan untuk diguna pakai di Malaysia, sampai ke hari ini pun pindaan Perlembagaan dibuat tidak ke arah keunggulan iaitu berdasarkan Al-Quran, Al-Sunnah bukan setakat agama Islam hanya agama rasmi.

Apabila diketengahkan undang-undang Islam perlu dilaksanakan di Malaysia, ianya selalunya mendapat tentangan daripada pihak-pihak tertentu. Undang-undang Islam dianggap tidak mampu dan tidak sesuai di Malaysia untuk diguna pakai. Alasan yang tidak boleh diterima selalu diberi, kononnya takut timbul huru-hara dan bimbang, takut-takut rakyat tidak faham, lebih-lebih lagi orang-orang bukan Islam. Alasan ini tidak boleh diterima kerana orang-orang bukan Islam lebih faham dan mengerti masalah ini demi untuk menjamin keselamatan kepada seluruh umat manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau undang-undang penjajah boleh diterima pakai, kenapakah undang-undang Islam tidak, sedangkan undang-undang Islam itu bukan hak orang Melayu.....

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Puan Hajah Kalthom....

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:**... bukan juga hak orang Cina.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Puan Kalthom lama lagikah?

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:** Sedikit lagi.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Sedikit sahaja.

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:** Saya pun banyak tinggallah.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Teruskan!

**Puan Hajah Kalthom binti Othman:** Banyak sangat gangguan.

Undang-undang Islam bukan hak orang Melayu dan bukan hak orang Cina dan juga bukan hak orang India, tetapi ianya diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala, melalui Al-Quranul-karim. Allah Subhanahu Wataala tuan punya alam dan pencipta alam ini termasuk juga kita manusia seluruhnya. Maka sesuaiilah Allah Subhanahu Wataala menyediakan undang-undang.

Dalam suasana ini, saya merayu kepada Kerajaan Malaysia, lebih-lebih lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya merestui kehendak Kerajaan negeri Kelantan yang mahu melaksanakan Undang-undang Jenayah Syariah ini. Usaha tersebut adalah sebagai langkah melaksanakan tuntutan dan kewajipan sebagai seorang Islam. Jangan ada nanti suara-suara sumbang yang mengatakan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Kelantan itu tidak berfaedah, kononnya seperti tertulis di atas kertas semata-mata. Sejarah sendiri telah membuktikan kepada kita bahawa bumi

Melayu ini pernah menerima pelaksanaan undang-undang Islam. Perkara ini dibuklikan dengan menemui Batu Bersurat di Terengganu. Ada juga setengah mereka cuba meragukan rakyat dengan mengatakan kononnya Undang-undang Jenayah Syariah ataupun Undang-undang Islam yang akan dilaksanakan di Kelantan ini adalah hudud PAS dan bukannya hudud undang-undang Islam yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini undang-undang Islam kepunyaan PAS, maka saya dengan tulus ikhlas meminta kepada seluruh alim-ulama yang ada dalam Malaysia ini, lebih-lebih lagi dalam UMNO supaya menggubalkan satu undang-undang Islam yang sebenar yang dianggapkan oleh UMNO. Kita sama-sama melihat andainya didapati apa yang diluluskan oleh Kerajaan Kelantan itu tersilap, kita sedia betulkan. Andai kata kalaulah Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh UMNO yang kita tahu tidak kurang alim-ulamanya dapat menyediakan satu undang-undang Islam melalui pindaan Perlembagaan dan meletakkan Al-Quran sebagai tempat rujukan dan jadikan Al-Quran sebagai Perlembagaan hidup umat manusia, maka saya yakin bahawa PAS akan memberi sokongan penuh terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini, saya mengambil peluang mengucapkan takziah kepada mangsa tragedi yang berlaku di Hulu Kelang di samping kita berdoa agar sahabat-sahabat kita yang beragama Islam yang meninggal dunia rohnya tergolong di dalam golongan orang-orang yang beriman.

Akhirnya, saya menyokong Belanjawan ini, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Saidin.

6.03 ptg.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan

berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Tadi saya telah pun mendengar perbincangan yang panjang lebar daripada Yang Berhormat Tuan Shahiruddin dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam dan masing-masing memperkatakan soal dasar. Tetapi bagi saya, saya akan membincangkan bagaimanakah cara-cara mengambil peluang ataupun merebut peluang melalui dasar-dasar yang telah digariskan oleh Kerajaan. Justeru itu, saya akan membincangkan dalam perbincangan Akta Perbekalan 1994 ini ialah masalah-masalah berhubung dengan rakyat di kampung-kampung, iaitu rakyat marhaen.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan Akta Perbekalan 1994 ini saya ingin menyentuh serba-sedikit daripada Kementerian-kementerian. Tetapi sebelum daripada itu, saya ingin menarik perhatian kepada seluruh rakyat negara kita Malaysia khususnya dan kepada penganut agama Islam terutamanya, melalui Dewan yang mulia ini bahawa kita semua hendaklah bersyukur kepada Yang Maha Berkuasa, Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya, maka kita pada hari ini telah diberi dalam keadaan sihat dan kita semua dapat berada dalam Dewan yang mulia ini.

Di samping itu, kita bersyukur dengan meninggalkan kerja-kerja mungkar dan sebaliknya melaksanakan kerja-kerja yang baik. Bagi orang-orang Islam walaupun kerja yang baik itu sebesar debu, tetapi jika memulakan dengan nama Allah, kita akan mendapat pahala di akhirat kelak dan akan ditunjukkan kebaikan kita itu. Begitulah juga selalunya bagi setiap umat Islam yang mengamalkan perkara-perkara yang baik.

Justeru itu, haruslah kita sedar bahawa negara kita Malaysia, Allah telah memberikan nikmat yang berlimpah-limpah. Lambat laun kita usahakan, hasilnya pasti didapati. Biji-bijian, apabila sahaja disemai tumbuhlah dan boleh

menampakkan hasilnya. Pada amnya apa yang kita usahakan sekarang telah mendapatkan hasil yang sungguh mewah. Dengan rezeki yang mencurah-curah itu tidaklah seharusnya kita mengerjakan kerja-kerja mungkar, perbuatan-perbuatan rasuah, merebut sesuatu yang bukan hak kita dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, lihatlah bukti betapa banyaknya kemewahan yang kita dapati dan negara kita nikmati dari setahun ke setahun. Setengah orang berkata, apalah hendak dilihat kepada negara; tetapi kuah pasti tumpah ke nasi.

Mengikuti Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini, apa yang saya tegaskan di sini adalah benar. Sedangkan negara-negara lain menanggung kejatuhan ekonomi yang amat rendah, tidak sampai 2% sedangkan kita mencapai ke tahap tidak kurang 8%. Pengukuran nikmat bukan sekadar kehidupan ekonomi mewah tetapi haruslah kita tidak lupa tentang betapa keadaan politik dan sosial yang kita nikmati. Apalah gunanya kita mempunyai harta yang banyak sedangkan negara kita kucar-kacir? Marilah kita pastikan apakah yang membawa kita begitu mencapai kejayaan. Kita mencapai kejayaan kerana politik kita lurus dan politik kita secara kita. Kebebasan politik kita tidak keterlaluan, demokrasi kita secara kita. Adat ketimuran kita pasti kita sanjung. Tetapi negara-negara lain yang kononnya berkemajuan, tetapi akhirnya tersentak dengan keadaan politik, ekonomi dan sosial yang sudah terlanjur. Dengan keadaan itu, mereka terpaksa bergelut dengan menerpa ke arah lain sedangkan kita dapat berjalan terus tanpa ada apa-apa halangan di segi politik, ekonomi dan sosial. Dengan keadaan kestabilan itu, kita akan terus menikmati segala kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kita menikmati segala kemakmuran yang Allah beri, janganlah hendaknya kita lupa segala perbuatan kita yang salah, di mana Allah kasih kepada kita dengan

memberikan peringatan ataupun amaran supaya kita sedar dan insaf di atas perbuatan mungkar kita dengan bangunan-bangunan tumbang dan runtuh, kemalangan jalan raya yang banyak dan mengerikan, jalan raya runtuh dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sektor Pertanian yang diperuntukkan RM1.811 bilion adalah satu sektor yang tidak harus dipandang sepi ataupun dipandang sebagai jelingan tetapi penjumlahan kepada satu tahap moden perlu diberi. Sejauh ini MADA telah mencapai kejayaan yang baik, LKIM dan LPN harus juga sentiasa mendapat pengawasan, sementara MARDI yang sentiasa membuat kajian-kajian dan menampakkan kejayaan perlu menyebarkan maklumat-maklumat lebih luas melalui pertubuhan-pertubuhan peladang. Bahkan demonstrasi juga harus bersekali supaya rakyat mendapat maklumat-maklumat terkini.

Tuan Yang di-Pertua, LPP dari setahun ke setahun telah menumpu ataupun menerokai kejayaan dalam menggalak, mempergiat, menubuh dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial PPK.

Di akhir-akhir ini, ramai di kalangan belia tani tampil kedepan merebut peluang dengan mengusahakan pelbagai aktiviti berbentuk industri kecil. Memandangkan perkembangan positif ini, haruslah mendapat sokongan dan peruntukan yang wajar. Dalam usaha LPP melalui PPK melangkahi bidang-bidang baru. Dan dalam membawa ahli-ahli PPK menuju kecemerlangan melalui projek, biasa mereka menempuh kegagalan yang tak disangka-sangka kerana malapetaka. Dengan demikian mereka menanggung risiko bahkan seterusnya kerugian. Kerugian seumpama itu sukar untuk ditebus kembali. Dengan itu ahli-ahli PPK meminta pertimbangan Kerajaan agar pinjaman kumpulan modal pusingan hampir RM23 juta itu dilepaskan, lagi pun peruntukan apa yang dikatakan pinjaman modal pusingan itu sudah lama iaitu tahun 70-an.

Dan pada masa itu ahli-ahli menganggap peruntukan itu adalah peruntukan Kerajaan kepada projek ahli yakni projek perintis ataupun 'grant'. Dan memandangkan peruntukan itu tidak mempunyai suatu dokumentasi yang pasti. Sehubungan dengan itu, ingin saya mendapat kepastian atau kesahihan mengenai satu tatacara, kaedah-kaedah atau pun peraturan kewangan dan perakaunan yang lengkap, yang telah diluluskan supaya akaun-akaun lebih berkeyakinan.

Dalam memperkatakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang mana di bawah pengawasan terus oleh LPP tahun 1994, tahun paling mencabar di mana petani mahu melihat kemajuan yang bermakna bukan sahaja kemudahan-kemudahan yang sedia ada bahkan projek-projek komersil yang melibatkan penyertaan mereka secara yang lebih dekat dan berbentuk korporat. Bagi menangani harapan itu, Kerajaan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang haruslah mempertimbangkan langkah-langkah yang lebih positif, memberi banyak bimbingan kaunseling dan menghindarkan langsung segala aktiviti-aktiviti peladang negeri yang sudah pun dijalankan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan.

Di sini bererti Pertubuhan Peladang Negeri bahkan NAFAS juga haruslah menjalankan projek-projek baru sebaiknya menjadi ibu kepada Pertubuhan Peladang Kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Lembaga Pertubuhan Peladang mengharap kepada Kerajaan ataupun NAFAS sendiri mengambil tanggungjawab menentukan insuran yang harus mereka ambil, sejauh ini kepastian tidak dibuat. Dengan keadaan demikian, PPK menerima cadangan mengambil insuran ahli daripada institusi tertentu. Bila PPK mengambil insuran daripada institusi itu, biasa beberapa orang ahli mendapat rawatan di hospital beberapa hari, pihak insuran berkenaan hanya membiayai RM10 sahaja.



Menyentuh Jabatan Perdana Menteri yang diperuntukan RM87.6 juta khusus bagi mempertingkatkan agama Islam adalah suatu peruntukan yang diharapkan akan dapat memainkan peranan supaya usaha-usaha bagi memantapkan agama Islam kepada penganut-penganutnya dapat dicapai. Di samping itu, diharapkan daripada peruntukan itu akan dapat suatu pengagihan yang lebih besar dalam menentukan tiap-tiap buah negeri mempunyai sekolah ataupun Pengajian Agama Islam.

Manakala di Sekolah-Sekolah yang sedia ada sekarang ini, matapelajaran agama Islam perlu ditambah. Perdana Menteri kita menyebut: "Anda kehilangan arah, anda membuang segala nilai yang anda warisi dan dalam perkara ini anda beranggapan semua orang adalah bebas sebeb-bebasnya".

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sebahagian besar belia-belia pada hari ini moral mereka sangat rendah. Kerendahan moral ini daripada masih di dalam alam persekolahan lagi. Oleh itu, pada tiap-tiap seminggu sekali seorang pensyarah yang latar belakang mereka berperibadi tinggi memberi syarahan-syarahan agama di sekolah-sekolah menengah. Masa untuk membuat syarahan itu bolehlah dibuat pada sebelah pagi dengan merancang atau mengambil masa sukan atau masa mereka hendak balik dari sekolah.

Saya menegaskan di sini, dengan apa yang saya berpengalaman dan faham dengan penuh keyakinan memenuhi masa lapang belia-belia dengan bersukan, berpersatuan dan seumpamanya hanya memberi hiburan dan memenuhi kehendak-kehendak nafsu dan berseronok-seronok mereka sahaja. Selagi iman tidak dipenuhi dalam dada mereka, selama itulah suatu perubahan sosial yang positif dan menepati kehendak-kehendak sukar untuk dicapai. Tak usahlah seribu strategi dibuat, pelbagai kegiatan dijalankan hanya untuk sementara mereda keadaan sahaja.

Saya telah membuat kira-kira campur tolak bahawa Biro Tatanegara dan Pusat Islam yang ahli dalam bidang ceramah dapat diberi tugas dan diselaraskan dengan Kementerian Pendidikan supaya pandangan saya ini diberi perhatian dan tindakan. Dan inilah satu-satunya bagi menentukan negara kita di masa depan terjamin. Janganlah lupa peribahasa, "bagaimana bentuk pemuda pada hari ini begitulah corak pemerintahan yang akan datang".

Saya menyentuh penyelarasan Kementerian dalam soal itu bukan bermakna Kementerian Pendidikan tidak berkemampuan tetapi dalam soal-soal tertentu haruslah kerjasama diwujudkan.

Dalam memperkatakan kemampuan ini, saya suka menyebutkan bahawa Ketua Setiausaha Negara mempunyai kemampuan yang membanggakan negara, sanggup bekerja dengan gigih dan mewujudkan formula-formula yang boleh membawa kecermerlangan produktiviti. Jika sekiranya mereka yang melaksanakan tugas tidak mensia-siakan garis-garis yang diutarakan, sebagai seorang yang mempunyai fikiran, inovasi, ide baru dan ada perubahan mengikut peredaran politik dunia, KSN memanglah wajar tugasnya diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan kecemerlangan di mana sekarang kita berada dalam keadaan cemerlang dalam perkembangan ekonomi, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Saya mengambil satu contoh di mana sebuah jabatan, surat-surat tidak dijawab, yang mana rakyat di kampung-kampung ataupun di desa-desa menghantar; janganlah hendaknya surat-surat itu tidak dijawab ataupun dibiarkan hingga berbulan-bulan ataupun bertahun-tahun, walaupun empat, lima kali surat-surat ungkitan dibuat. Dan ada kala perkara ini bila dibentangkan ataupun dikemukakan kepada pihak atasan sama ada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun Menteri Besar atau sebagainya, baru tindakan diambil.

Saya suka mengingatkan bahawa kelemahan ini memungkinan segala surat-surat yang diterima tidak sampai kepada ketua jabatan. Dengan itu ketua jabatan tidak dapat meminitkan kepada mereka yang berkenaan, dengan itu tidak dapat membuat tindakan-tindakan. Bila pemimpin-pemimpin membuat dialog, pemimpin-pemimpinlah menerima kata-dua daripada rakyat, dengan penyampaian maklumat ini agensi-agensi yang demikian perlu membuat format yang standard dan sebagainya supaya rakyat sentiasa mendapat perhatian dan pertolongan. Saya memang sedar di antara begitu ramai kakitangan, ada yang bermasalah sehingga bila ketua agensinya memberi apa-apa arahan dilengah-lengahkan tugas, ada sahaja alasannya. Saya sentuh sedikit perkara ini kerana kita berlumba-lumba untuk maju. Kata pucuk pimpinan kita, "Anda perlu bersaing, dan apabila anda membayar gaji yang tinggi kepada pekerja yang tidak produktif, anda tidak menjadi kompetitif."

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong apa yang telah dibentangkan, iaitu Rang Undang-undang Perbekalan 1994. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Datuk Nazri.

6.22 *ptg.*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan pada hari ini berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1994. Saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya berucap, saya pandang juga ke belakang, oleh kerana sedikit-sebanyak dalam ucapan saya ini, saya ingin menyebut

sedikit tentang segala tuduhan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Puan Kalthom daripada parti PAS yang menjadi Ahli Dewan Negara. Tetapi masalahnya ialah selalu sebaik sahaja ucapan telah dibuat, dan tuduhan-tuduhan tertentu yang telah dilemparkan, maka dia menghilangkan diri. Saya merasa bahawa ini satu sikap yang tidak bertanggungjawab, sebab kalau kita berani mengatakan sesuatu, maka sudah tentu kita harus duduk dan mendengar kalau sekiranya ada jawapan kepada ucapan yang telah kita buat. Sebab itu, kepada saya, mesti berani kerana benar. Sesuatu perkataan yang kita sebut dalam Dewan ini, sebaik sahaja kita menghabiskan ucapan kita, kita seharusnya duduk dan tunggu untuk mendengar apakah yang akan dijawab kembali di atas ucapan yang telah disampaikan oleh kita sebentar tadi.

Juga dengan kehadiran dalam Dewan ini, memberi kesempatan kepada beliau pula untuk "interject" ucapan saya. Kalau sekiranya dalam ucapan saya ini beliau ingin bertanya kepada saya tentang satu perkara yang saya sebut, saya rela dan sanggup menjawab. Itulah maknanya perbincangan. Saya ingin menyatakan sedikit dukacita juga sebab saya rasa kalau kita bertanggungjawab, sudah tentu kita harus tunggu dan mendengar ucapan Ahli-Ahli Dewan Negara yang lain yang kemungkinan untuk menjawab sedikit-sebanyak apa yang telah dinyatakan oleh beliau sebentar tadi.

Saya ingin menafikan sekeras-kerasnya, seolah-olah ada satu pendekatan di mana kita memperanaktirikan penyokong-penyokong berdasarkan kepada parti manakah mereka sokong. Saya ingin menyatakan bahawa perkara ini tidak berlaku, sebab dalam soal kemiskinan, ianya tidak mengenal bangsa, persatuan atau warna kulit. Siapa juga di dalam golongan yang termiskin kita harus bela. Saya rasa bukan menjadi amalan Kerajaan Persekutuan, iaitu sebelum kita memberikan pertolongan atau bantuan kepada rakyat miskin, kita hendak bertanya

terlebih dahulu siapa bapanya dan parti mana dia meyakong. Ini adalah merupakan satu tuduhan yang tidak berasas dan tidak seharusnya boleh dilemparkan di dalam Dewan yang mulia ini. Apatah lagi kalau beliau mewakili sebuah parti yang kononnya memperjuangkan Islam, tetapi di dalam Dewan Negara ini tidak menunjukkan satu sikap yang Islamic, sikap yang mana kita harus bercakap yang benar dan tidak melontar pembbohongan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya kecewa dengan ucapan beliau sebentar tadi, kerana secara langsung saya sendiri yang terlibat, yang mana saya memperkerusi satu agensi besar yang banyak membantu bumiputera. Macam mana dia hendak menafikan bahawa agensi Kerajaan seperti MARA, yang mana saya sebagai Pengerusinya telah membelakangkan orang-orang bumiputera di Kelantan semata-mata kerana dia datang daripada parti lain.

Saya telah melawat Kelantan, saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, dan saya bertanya kepada beliau apakah masalahnya yang ada di Kelantan. Selaku pengerusi MARA, jika boleh membantu rakyat Kelantan, seharusnya saya boleh perkuatkan lagi untuk membantu rakyat Kelantan, tanpa saya bertanya kepada dia bahawa saya hendak sokong cuma orang yang menyokong UMNO sahaja. Ini boleh dipercakapkan pada Presidennya. Di dalam suratkhbar terpampang dikeluarkan saya jumpa dengan Presidennya. Siapakah dia yang memberitahu kepada saya bahawa dalam soal pembahagian atau membantu orang-orang kampung yang susah, kita bersikap, dengan izin, "prejudiced" atau "bias" kepada orang yang tidak menyokong kita.

Sebab itulah saya hendak menafi sekeras-kerasnya. Ucapan seperti inilah yang mengecewakan kita, kerana kita buat sesuatu dengan benar. Kita hendak bantu orang bumiputera, betul. Tetapi ucapan seperti ini memperkecilkan, malah menafikan apa yang hendak kita buat.

Walhal terang dan jelas menunjukkan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa dalam lawatan saya ke negeri Kelantan, saya melawat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan.

Saya boleh beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya menerima surat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan yang menulis terus kepada saya meminta untuk menyokong sesetengah orang masuk dalam sekolah-sekolah tertentu. Keutamaan itu saya beri. Malah saya tidak malu sebut di sini apabila surat itu sampai, saya mengambil tindakan sama sepertimana datangnya surat daripada Menteri-menteri lain. Kalau pelajar itu ada kelayakan untuk masuk ke MRSM, saya tolong. Perkara yang seperti inilah yang mengecewakan kita, ucapan tanpa asas. Beliau kata kita diskriminasi kerana bapanya sokong PAS atau S.46, maka sebab itu kita tidak tolong. Kita langsung tidak ambil kira. Saya ingat, kalau dia memerintah, mungkin dia akan buat begitu. Sebab itu dalam kepalanya ada satu pemikiran bahawa dia didiskriminasikan, dan kalau dia memerintah, dia akan buat perkara seperti itu, memang kita tahu.

Sepertimana yang berlaku di negeri Kelantan terhadap perlantikan Tok Gawa atau Penghulu di peringkat mukim, mereka buat sedemikian. Sebab itu bila mereka buat, mereka fikir kita pun buat macam dia juga. Jadi, saya hendak menyatakan kekecewaan saya. Kalau betul saya ikut hati, geram dengan apa yang dia bercakap, mana-mana surat daripada Wakil Rakyat atau pemimpin PAS atau S.46, saya tidak akan layan langsung. Tetapi saya tidak buat sedemikian. Ini sungguh mengecewakan, ucapan seperti ini. Ucapan macam ini tidak bertanggungjawab, maka kesannya nanti ialah terhadap murid-murid yang tidak berdosa, oleh kerana ucapan-ucapan daripada wakil-wakil PAS seperti ini menyebabkan sepatutnya kita mengambil tindakan kalau boleh kita tolong mereka, kita akan mengambil tindakan yang tidak tolong mereka.

Jadi, dia kenalah bertanggungjawab-duduk di dalam Dewan yang mulia ini cakaplah perkara yang benar. Janganlah kita tipu dan bohong kerana semata-mata seronok berucap, boleh pukul Kerajaan, perkara yang tidak betul pun kita sebut. Ini adalah Dewan yang mulia. Dalam ceramah-ceramah PAS boleh bercakap. Tetapi ini Dewan yang mulia, kita mesti bercakap perkara yang benar. Sebab itu, saya harap di masa-masa akan datang supaya wakil-wakil dari Pembangkang kalau hendak bercakap, bercakaplah perkara yang benar. Kita bukan tidak boleh dikritik, kita boleh dikritik, tetapi biarlah kritik itu benda yang benar. Jangan mengecewakan kita, sebab kita tidak diskriminasikan terhadap murid-murid

Kelantan. Saya hendak bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, macam mana rasanya kalau ada seorang ibu datang membawa anaknya dengan menangis kerana anaknya hendak masuk sekolah MRSM dan sebagainya, apakah saya hendak tanya awak sokong siapa, kita tak tanya pun. Jadi, saya hendak beritahu wakil daripada PAS-masalahnya dia tidak ada di sini.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. dengan ini saya menanggung Dewan sehingga esok jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*